Prof. Dr. Hamka

Sebuah Polemik Agama

TEGURAN
SUCI & JUJUR TERHADAP
MUFTI JOHOR



Kandungan

Pengantar Penerbit

Alhamdulillah kami bersyukur kepada Allah (S.W.T.) yang telah memberikan taufiq dan hidayah-Nya. Selawat dan salam semoga sentiasa dilimpahkan ke atas Nabi Muhammad (s.a.w.) yang telah membawa umatnya daripada alam jahiliah kepada alam terang-benderang, penuh dengan maghfirah dan reda-Nya.

Syukur dan terima kasih kami sampaikan kepada ***Bapak H. Rusydi Hamka,*** pentadbir Pusaka Allahyarham Buya Prof. Dr. Hamka, dan penerbit, ***Pustaka Panjimas,*** Jakarta, Indonesia, yang telah memberikan kerjasama dan kepercayaan kepada kami untuk menerbit semula buku ini bagi edaran dan tatapan pembaca di Malaysia. Semoga karya dan usaha mereka dalam menerbit, terutamanya *buku-buku karya dan pusaka Allahyarham Buya Prof. Dr. Hamka* akan terus berkembang dan bermanfaat dalam usaha memberi kesedaran dan kefahaman kepada umat Islam di rantau nusantara. Dan karya-karya Allahyarham akan tergolong sebagai *"Ilmu Yuntafa'u Bih"*.

Judul buku ini bertajuk, ***"Teguran Suci & Jujur Terhadap Mufti Johor",*** karya *Buya Prof. Dr. Hamka*, yang beliau tulis sebagai risalah kecil, pada hari Ahad, 17 Muharam 1378, bertepatan, 3 Ogos 1958 dan selesai pada hari Jumaat 22 Muharam 1378, bersamaan, 8 Ogos 1958 di Jakarta. Buku yang mengandungi sebuah polemik agama di rantau nusantara; kemudian dicetak dalam bentuk untuk pertama kali dalam edisi jawi, pada tahun 1958, oleh Persatuan Muhammadiyah Pusat, Singapur. Kini diterbitkan semula bagi tatapan pembaca yang budiman, yang mungkin tidak mengenali dan atau berjumpa dengan beliau. Namun karya-karyanya masih banyak dan patut dijadikan bacaan dan rujukan oleh generasi masa kini dan akan datang, insya Allah.

Sekian dan selamat membaca. Dengan iringan doa, *" Ya Allah jadikanlah karya-karya Allahyarham sebagai karya yang bermanfaat. Amien Ya Rabbal Alamien."*

Penerbit

SEPATAH KATA DARI PIMPINAN MUHAMMADIYAH

Penerangan dari hal kaum-muda yang dibuat-buat dan diada-adakan oleh Tuan Sayyid Alwi bin Tahir al-Hadad, mufti Johor dalam *"Semenanjung"* tanggal 14 Julai 1958 sebagaimana yang disalinkan ke dalam buku ini sungguh-sungguh amat mengelirukan orang ramai dan menusuk hati dan perasaan tiap-tiap orang Islam yang cintakan kebenaran dan bencikan kebohongan. Apalagi kerana penerangan Tuan Sayyid yang melampau-lampau itu bukan saja mengenai segolongan umat Islam di Tanah Melayu yang sentiasa Tuan Sayyid pandang sebagai musuh, tetapi telah meleret-leret dan merepek kepada umat Islam di negara-negara tetangga di Turki, di Mesir dan di Indonesia, penerangan mana sama sekali tidak berdasar kepada kenyataan yang boleh diterima akal dan pengetahuan, yang sesekali tidak pantas dan memalukan kalau keluarnya dari seorang yang terhormat dan dianggap seperti beliau itu seorang yang ahli fikir dan lubuk ilmu pengetahuan.

Tiap-tiap orang pencinta al-Quran dan as-Sunah yang Tuan Sayyid katakan *kaum-muda* itu seperti sekalian warga negara Indonesia di Malaya sangat terharu dan bimbang

membaca keterangan tersebut. Masing-masing menanti-nanti dan mengharapkan siapakah gerangan yang akan sanggup dan berani mendahului membalas dan menjawabnya.

Syukurlah sekonyong-konyong melayang dari Indonesia risalah yang panjang lebar yang sangat diidam-idamkan untuk balasan dan jawapannya, ditulis oleh Tuan Hamka pujangga dan ahli agama yang tak asing lagi bagi Tuan Sayyid al-Haddad khususnya dan penduduk Malaya umumnya. Semoga risalah ini akan dapat menyedarkan Tuan Sayyid dan memberi kepuasan kepada umum serta dapat pula mengubat hati dan perasaan orang-orang yang sudah dilukaparahkan semenjak penerangan tersebut keluar.

Lantaran itu risalah ini juga bukan saja dimaksud oleh pengarangnya untuk teguran jujur kepada Tuan Sayyid al-Haddad, malahan penerangannya yang tegas dan kemas kepada umat Islam di Malaya yang masih ragu-ragu dan salah sangka terhadap golongan pencinta al-Quran dan as-Sunah yang sudah sekian lama dihina-hinakan dan diberi nama ejekan *kaum-muda*. Sayang sekali risalah ini terlambat sampainya ke tangan kami sehingga menyebabkan terlambat mencetaknya sampai sekian lama.

Maka isi risalah ini seluruhnya atas tanggungan pengarangnya sendiri.

Hormat dan maaf

Haji Rijal Abdullah

PENGANTAR "THE LOST MANUSCRIPT" HAMKA

Sebenarnya buku yang satu ini dari karya Allahyarham Prof. Dr. Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Prof. Dr. Hamka dan Buya Hamka saja tidak terdapat di mana-mana dalam daftar buku-bukunya yang pernah diterbitkan sepanjang hayatnya. Jika kita rujuk buku *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka*[1] terdapat senarai buku-bukunya berjumlah 113 dan melalui buku *Pribadi Dan Martabat Buya Prof. Dr. Hamka*[2] tercatat buku-bukunya yang diterbitkan sejumlah 118 buah. Melalui kedua-dua buku ini tercatat pula bahawa masih ada karangan-karangan beliau di dalam majalah Panji Masyarakat (Panjimas) yang pernah dikelolakan oleh beliau sendiri yang belum dibukukan lagi. Antaranya melalui kolom *Dari Hati Ke Hati* dan *Pandangan Hidup Muslim.* (Saya kira karangan-karangan tersebut sudah diterbitkan sekarang ini).

---

1) Lihat *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka* penerbit Yayasan Nurul Islam, Jakarta, 1978, hal. 286 – 288.

2) Lihat *Pribadi Dan Martabat Buya Prof. Dr. Hamka* oleh H. Rusydi Hamka penerbit Pustaka Panjimas, Jakarta, 1981., hal. 307 - 311.

Namun demikian, sebenarnya, masih ada manuskrip lainnya yang pernah dibukukan dan diterbitkan di luar Indonesia. Manuskrip tersebut ialah *Teguran Suci Dan Jujur Terhadap Mufti Johor* yang pernah diterbitkan oleh Persatuan Muhammadiyah Singapura pada tahun 1958.[3] Sementara itu, memang terdapat hubungan erat antara Buya Hamka dengan Muhammadiyah Singapura.[4] Pada saat berdirinya Muhammadiyah di Singapura memang sudah terjalin sehingga nama Hamka sering dikaitkan sebagai ulama yang mempunyai kebolehan dalam memberantas amalan bidaah, ajaran sesat dan berkempen (yang biasanya diundang ke Singapura) melawan propaganda Ahmadiyah (Qadiani) yang ketika itu sedang gencar-gencarnya menaburkan dan menyebarkan diayah sesatnya di kalangan masyarakat.

Tahun-tahun 1950-an adalah jangka waktu yang hebat dan kronik dihadapi dalam gerakan-gerakan pemurnian ajaran Islam yang dimotori oleh para ulama *salifi* atau yang sering dikenali sebagai kaum-muda ini. Antara tokoh yang menonjol ialah Ustaz Hassan Ahmad atau juga dikenali sebagai Ustaz Hassan Bandung. Ustaz yang kelahiran Singapura ini dan berketurunan Tamil/India banyak sekali mencetak buku-buku di Malaya ketika itu. Gerakan pemurnian atau *kaum-muda* ini ternyata lebih banyak berkembang di negeri selat seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.[5]

---

3) Pada waktu itu Muhammadiyah Singapura diketuai oleh Ustaz Rijal Abdullah berasal dari Kamang, Bukit Tinggi, Sumatera Barat dan juga Ustaz Abdul Rahman Harun berasal dari Siak Inderapura, Riau.

4) Masih ada dalam koleksi saya surat-surat Hamka yang ditujukan kepada Ustaz Abdul Rahman Harun sekitar tahun 1957 - 1958.

5) Di Singapura pernah dirintis oleh Syed Sheikh al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin melalui majalah *al-Imam* di ambang kurun ke-20, sementara

Sebenarnya perbenturan dari golongan mazhabi ternyata agak kuat dengan golongan salafi atau kaum-muda ini, tetapi seperti apa yang dialami di Singapura dan Malaya tidaklah sampai seperti adanya adu kekuatan dan perlawanan fizikal. Walaupun perlawanan fizikal itu pernah terjadi tetapi dalam kes yang kecil dan terpinggir. Sesungguhnya pertembungan pemikiranlah yang kelihatan lebih menonjol dalam gelanggang ini terutama dalam memahami soal-soal fikah ini.

Dari sosok lain kelihatan gerakan pemurnian ini lebih aktif dan cukup berpengaruh di Minangkabau dengan tampilnya Haji Abdul Karim Amrullah (ayah Hamka) dan juga peranan yang dimainkan oleh Sumatera Thawalib di Padang Panjang yang merupakan sebuah pesantren/madrasah yang progresif dalam menyebarkan fahaman pemurnian *(salafi)* di kalangan masyarakat dan tentunya berupaya dapat mengeksportnya sampai ke Singapura dan juga Tanah Melayu. Sementara itu gerakan pemurnian ini muncul di Yogyakarta apabila Kiyai Ahmad Dahlan mendirikan Muhammadiyah[6)] dalam tahun 1912 yang banyak memberikan khidmat kepada berbagai-bagai lapisan umur dan dalam berbagai-bagai aspek kehidupan.

---

di Melaka pula gerakan Ansarul-Sunnah di sekitar daerah Terentang antara Jasin dan Chinchin yang digerakkan oleh Ustaz Hj Mohammad Amin. Di Kuala Pilah pun di mana Adat Pepatih diamalkan tidak kurang pula perkembangannya dari ulama-ulama salafi seperti Ustaz Abdul Malik dan Ustaz Hashim Ghani. Di Pulau Pinang yang erat tali perjuangannya dengan Perlis tentu sekali ulama-ulama kaum-muda tidak mudah dilupakan seperti Ustaz Ibrahim Akibi dan Ustaz Abu Bakar Asyaari.

6) Muhammadiyah kini merupakan satu-satu organisasi NGO yang terbesar di dunia dalam usaha untuk memberikan khidmatnya dari seluruh

Pada tahun 1923 di Bandung, Jawa Barat muncul pula Persatuan Islam dengan ikon ulama yang cukup melepasi batasan Nusantara iaitu Ustaz Hassan Ahmad atau lebih terkenal dengan panggilan Ustaz Hassan Bandung[7] dengan bukunya yang sudah tersebar sampai ke mana-mana di alam Melayu ini iaitu *Soal-Jawab Masalah Agama* dalam empat jilid itu. Juga buku-bukunya yang melebihi 100 buah itu. Kemudian Syeikh Ahmad Surkati seorang Arab keturunan Yaman dengan organisasi gerakan al-Irsyad yang bermarkas di Surabaya.

Namum begitu, melihat perkembangan yang semakin mendapat sambutan maka timbullah hal-hal yang boleh menghalang agar gerakan ini berkembang dengan pesat. Kerana gerakan ini boleh juga menimbulkan "kerugian" dan mengurangkan pengaruh serta kepercayaan terhadap ulama-ulama tertentu.

---

lapisan umur dan juga dalam berbagai-bagai aspek kehidupan. Muhammadiyah memiliki lebih 20 ribu sekolah, ratusan hospital, puluhan universiti dan maktab kejuruan dan profesional. Dijangkakan anggota/pengikut Muhammadiyah (termasuk anggota/pengikut organisasi yang sefahaman seperti Persatuan Islam (Persis) dan Jamiyah al-Irsyad) hampir 50 juta orang.

7) Dengan kehebatan berdebat, mengajar dan menulis serta menguasai bidang tafsir dan hadis, menguasasi fikah dan usul-fikah dan berbagai-bagai cabang ilmu alat dalam usaha dakwah Islam maka Ustaz Hassan Bandung dapat melahirkan pemimpin umat yang berkaliber seperti Muhammad Natir dan Isa Anshari serta ulama-ulama besar dan pakar seperti Prof. Hasbi Asy-Syiddiqi dan Kiyai Munawar Khalil seorang ahli hadis.

Lihat *Ahmad Hassan And Islamic Legal Reform In Indonesia* dissertasi Ph.D oleh Akh Minhaji, McGill University, Montreal, 1997.

Maka terjadilah apa yang dikatakan dengan melampiaskan fitnah yang berbaur hasutan yang bertujuan meminggirkan prinsip dan manhaj salafi yang berteraskan al-Quran dan Hadis Shahih. Terbetiklah sebagaimana yang dimuatkan dalam media cetak *"Semenănjung"* dalam keluarannya pada tanggal 14 Julai 1958. Kenyataan dan fakta yang tidak benar yang dikeluarkan (dibuat/ditulis) oleh Shahibul Samahah al-Mufti Sayyid Alwi al-Haddad mufti kerajaan Johor.

Kenyataan mufti ini merupakan respon daripada kitab *Ibadat Rasulullah* yang ditulis oleh Ustaz Abu Bakar Asyaari seorang ulama yang menyebarkan fahaman dan gerakan *islah*[8] di Perlis ketika itu. Fitnah dari Sayyid Alwi ini ditanggapi dan ditangkis oleh Buya Hamka yang ditulisnya dalam lima hari. Tangkisan Buya Hamka itu dibukukan oleh Persatuan Muhammadiyah Singapura dengan judul yang sangat lunak dan mesra *Teguran Suci Dan Jujur Terhadap Mufti Johor* yang dicetak dalam tulisan Jawi.

Buku polemik dan tangkisan ini merupakan buku yang dianggap sebagai *the lost manuscript* yang sama sekali tidak diketahui ramai orang baik di Indonesia, Malaysia mahupun di Singapura.

---

8) Sekadar sebagai *working definition* adalah menyebut fahaman dan gerakan pemurnian Islam dengan *salafi, kaum-muda, islah, reformis, golongan sunnah, Muhammadiyah* atau juga *Wahabi.* Di sebelah utara Malaysia seperti negeri Perlis Darul-Sunnah, Kedah, Pulau Pinang dan juga di Selatan Thailand istilah *islah* sekarang ini lebih banyak digunakan, sementara di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor mereka menggunakan istilah *golongan /ahli sunah.* Di Singapura banyak pula menggunakan istilah *golongan / ahli sunah, salafi* dan *Wahabi.*

Dalam pembelaannya terhadap Ustaz Hassan Bandung dan juga terhadap ulama-ulama yang sefahaman serta menafikan terdapatnya umat Islam masuk Kristian berbondong-bondong juga umat Islam dimurtadkan lalu menjadi komunis dengan jumlah melebihi 30 juta telah di "tegur dengan suci dan jujur" oleh Buya Hamka. Alangkah murninya budi pekerti Buya Hamka dan bersifat kelaki-lakian ini patut dipuji. Ditolaknya ke tepi perasaan dan nafsu marah terhadap fitnah yang ditimbulkan oleh mufti Johor dengan cara yang amat bijaksana dan mesra. Padahal isu yang timbul bukanlah perkara yang kecil dan boleh dianggap sepele atau enteng.

Sebuah kebijaksanaan yang patut dicontohi!



Ketika ada saranan dari sebuah penerbit yang tercium adanya buku polemik yang *langka* (rare) ini yang ditulis oleh Buya Hamka dan menyerahkan kepada saya untuk melakukan sesuatu terhadap buku ini, maka bukan saja saya rasa satu penghormatan untuk meng*alih-aksara*kan buku karya ulama dan pujangga peminat jutaan umat ini, melainkan dirasakan sebagai suatu tugas dakwah yang patut dijalani. Buku sanggahan ini sudah berusia sekitar 50 tahun, namun karya Buya Hamka ini akan tetap relevan pada setiap zaman.

Tetapi dalam masa yang sama pula saya berhadapan dengan masalah-masalah memahami beberapa istilah- tilah yang digunakan dalam kalimat-kalimat tidak begitu tepat dan

sukar difahami pula. Bukan salah pengarang Buya Hamka melainkan ilmu saya sendiri yang belum sampai setinggi itu. Bila hal seperti ini pembaca bersuanya di mana-mana halaman buku jangan merasa *gereget,* kesal dan jengkel, maka saya dengan sepuluh jari memohon agar dimaafkan. Demikian juga tidaklah selesai *alih-aksara* ini bila tidak ada bantuan dari sahabat saya Sdr. Jamil Nawar yang memeriksa istilah-istilah bahasa Arab yang juga di*alih-aksara*kan (di*transliterasi)* ke aksara Rumi. Ini juga bukan pekerjaan mudah yang dilaluinya. Sekali lagi jika didapati tidak sesuai dengan teks Arabnya harap dimaafkan. Satu lagi yang patut saya nyatakan bila belum ada satu kaedah ejaan yang baku mengenai *alih-aksara* atau *transliterasi* ini.

Pada umumnya karangan Buya Hamka yang sangat berharga ini tidak banyak atau hampir tidak ada mengalami suntingan yang bererti kecuali membetulkan ejaan sebelum di*alih-aksara*kan itu.

Namun demikian, saya bertanggungjawab seluruhnya atas karya Buya Hamka yang diterbitkan ini setelah mengalami masa *ghaiba*nya sebagai "the lost manuscript" sekitar 50 tahun yang kini kembali ke rumah khazanah Islamiyah di Alam Melayu Nusantara ini.

Kecuali, salah dan silap, harap maaf.

حمكا

تݢورن
سوچي دان جوجور

ترهادڤ

مفتي جوهر

MUKADIMAH

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ اتَّبَعَ هُدَاهُ ..

Ama ba'du, buku ini saya tulis sekali-kali bukanlah hendak mencari pertentangan dan perlawanan dan jauh daripada maksud permusuhan. Hanya semata-mata hendak memberi peringatan atas beberapa kesalahan yang timbul daripada *shahibul fadhillah was samahah as-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad*, mufti negeri Johor dalam keterangan beliau membantah *kaum-muda.*

Beliau adalah merdeka buat membantah dan menolak fahaman dalam agama Islam yang tiada beliau setujui dan berlainan faham terhadap masalah agama kalau kita pandai membawakannya menjadi rahmat bagi umat Islam, tetapi di dalam pertukaran fikiran itu jika timbul kecurangan dan kebohongan maka berlainan pendapat itu akan membawa mudarat dan fitnah terhadap umat. Padahal bukanlah itu yang kita kehendaki.

Maka saya tulislah buku ini dan maksud saya yang utama

ialah membersihkan salah faham diantara umat Islam, baik di Malaya atau di Indonesia yang timbul kerana keterangan datuk mufti Johor dan saya namai:

"Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor"

Semoga Tuhan Allah (S.W.T.) melimpahkan taufiq dan hidayah kepada kita semuanya, amin.

Wassalam

Alhaj Abdul Malik Abdul Karim Amrullah

(H a m k a)

Salinan muka yang diblok: Datuk Sayyid Alwi dengan kitab "Ibadat Rasulullah"

TIADA GUNA KERANA MENGELIRUKAN ORANG RAMAI KAUM-MUDA MENYEBABKAN 30 JUTA JADI KOMUNIS

Johor Bahru, 13 Julai – Datuk Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, mufti kerajaan Johor, telah memberi fikiran atas namanya sendiri mengenai masalah buku "Ibadat Rasulullah" menyatakan bahawa soal yang dibincangkan itu adalah soal cabang-cabang agama sahaja. Buku tersebut tidak ada gunanya sekali kerana isinya mengelirukan orang ramai dan murid-murid yang baru belajar.

Beliau menyatakan juga bila ditemui oleh pemberita *"Semenanjung"* bahawa pada pendapatnya dalam Islam tidak ada *kaum-tua* atau *kaum-muda*. Kata-kata ini mulanya terjadi di negeri Turki dengan nama kaum *atiq* dan kaum *jadid*.

Kaum *jadid* atau *kaum-muda* itu telah menyerang agama Islam di Turki dan menghinakan agama itu hingga akhirnya agama Islam telah keluar dari negeri Turki sendiri. Setelah itu, soal *kaum-muda* dan *kaum-tua* itu timbul pula di Indonesia.

Soal-soal agama yang ditimbulkan oleh kaum kaum-muda di Indonesia itu banyak menimbulkan was-was di kalangan umat-umat Islam di sana kerana itu orang-orang Kristian di sana telah menjalankan diayah mereka dengan itu pula lebih 10 juta umat Indonesia menjadi pemeluk agama Kristian dan 30 juta menjadi komunis.

Kisah Kaum-muda

Dengan timbulnya perkara-perkara ibadat Rasulullah apa yang telah terjadi di negeri Turki dan Indonesia akan terjadi pula di Malaya pada masa akan datang, kata Datuk Sayyid Alwi.

"Kaum kaum-muda ini mengambil fatwa-fatwa mereka dari Qadiani dan Hassan Bandung dan mereka tidak percaya kepada beberapa tiang-tiang agama Islam. Mereka ini dinamakan ulama-ulama *"al-maklum minalaziina bi darurah,"* kata Datuk itu.

Dihukum Kafir

Ketua *kaum-muda* ini bernama Abu Ziyad telah dihukum kafir oleh jemaah ulama yang besar-besar di Mesir dan kerajaan Mesir telah mengharamkan kitab tafsir al-Quran yang dikarang oleh Abu Ziyad dan kerajaan Mesir telah membakar tafsir Quran orang-orang Ahmadiyah Qadiani, kata Datuk itu selanjutnya.

Abu Ziyad telah menghantarkan kitabnya dan tafsir-tafsirnya kepada ramai dan anak-anak muridnya, kaum kaum-muda telah menyembunyikan kitab-kitab itu.

Beliau menambah kata lagi saya telah banyak membaca selaran-selaran ganas *kaum-muda* dalam akhbar-akhbar tetapi tidak ada orang yang menentukan sama ada *kaum-muda* itu Islam atau tidak.

Mengikut Pendapat Darwin

Beliau telah menyebut satu berita yang disiarkan oleh "*Semenanjung*" pada 5 Mei tahun ini yang memberitakan hal sebuah kitab *kaum-muda* yang bernama "Soal Jawab" dan Tafsir al-Quran Hassan Bandung. Kitab tersebut menyatakan sucinya daging babi dan tafsirnya, Tafsir Quran Hassan Bandung adalah mengikut mazhab (teori – pengarang) Darwin dan Freud.

Datuk Sayyid Alwi mengatakan tentang fatwa Tuan M. M. Quraisy dan Muhammad Sadik, Onan Road, Singapura di dalam majalah "Suara Islam" yang dikeluarkan oleh Persatuan Islam Universiti Malaya di muka 32 dan 39 jilid kedua bilangan 2 tahun 1955 -1956 yang memberi fatwa bersihnya daging babi. Padahal najisnya daging babi itu telah diketahui dalam agama Islam.

Beliau telah mengkafirkan orang-orang Islam yang ingkar akan kenajisan daging babi. Orang-orang ini mengaku bahawa mereka bebas fikiran dan bebas beriktikad dan pada fahaman mereka bahawa Nabi Isa (a.s.) itu ada berbapa, ini adalah dipetik dari agama Yahudi dan Nasrani, kata Datuk Sayyid Alwi. Kitab-kitab tersebut wajiblah dibinasakan oleh tiap-tiap orang Islam.

Keratan Akhbar :

داتوء سيد علوي دالم كتاب "العبادة رسول الله"

تياد كورن كران مغلبوركن رامي

قوم مودا ممبوكن 30 جوتا جادي كومونيس

جوهر بهارو، 3 جولاي — داتوء سيد علوي بن طاهر الحداد مفتي كراجاءن جوهر تله [illegible] فيكيرن [illegible] مندوريو [illegible] عبادة رسول الله [illegible] سوال [illegible] ايت اداله سوال [illegible] اكام [illegible] تيدق اد [illegible] كران [illegible] مغلبوركن اورڠ رامي دان [illegible] بهارو [illegible].

[illegible] دالم سلام تيدق اد قوم توا اتو قوم مودا. [illegible] قوم عتيق دان قوم جديد.

قوم جديد اتو قوم مودا ايت تله [illegible] اكام اسلام [illegible] دان [illegible] اكام ايت [illegible] اسلام تله [illegible] ايت سوال قوم مودا دان قوم توا ايت تيمبول فول دانه‌ملايو.

[illegible] كراجاءن مصر تله مڠحرامكن مذهب (البوري — [illegible]) [illegible] كتاب تفسير قرآن [illegible] دان [illegible].

اوله ابو زيد دان كراجاءن مصر [illegible] تفسير قرآن [illegible] قرشي دان [illegible] سلنجوتڽ.

داتوء سيد علوي [illegible] اسلام [illegible] 2 [illegible] 1935 [illegible] دالم [illegible] اسلام.

[illegible] دان قوم مودا ايت [illegible] اسلام [illegible].

قوم مودا

دحكوم كافر

[illegible]

TEGURAN SUCI DAN JUJUR TERHADAP MUFTI JOHOR

Oleh :
Al-Haj Abdul Malik Abdul Karim Amrullah

Maka terbaca pulalah oleh saya pendapat Shahibus Samahah al-habib An-nasib as-sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad di dalam majalah *"Semenanjung"* pada 26 Zulhijah 1377 bilangan 109, pada menyatakan pendapat beliau tentang buku "Ibadat Rasulullah" itu. Pendapat beliau itu kita nukilkan pada muka sebelum ini.

Mula-mula saya baca yang menarik perhatian saya terlebih dahulu adalah kalimah emas! "Di dalam Islam tidak ada kaum-tua atau kaum-muda!"

Ini adalah kata emas yang keluar daripada seorang tua yang patut dicamkan benar di dalam hati kita dan kita hormati setinggi-tingginya dan kalau pendapat ini beliau pegang teguh akan adalah pada kita orang tua yang akan tetap menjadi payung panji di dalam hal agama, yang tidak memandang musuh kepada pihak-pihak yang berpendapat lain dari pendapat beliau.

Saya hanya mengenal beliau dari jauh dan membaca bahas-bahas beliau yang menunjukkan banyaknya buku yang beliau baca dan penyelidikannya tentang masuknya Islam ke tanah air kita sangatlah menjadi perhatian saya. Tetapi sebagai seorang lautan ilmu tentu ada juga beliau khilaf. Sebagai pepatah orang Arab:

إِنَّ لِكُلِّ فَارِسٍ كَبْوَةً

"Pahlawan di medan perang ada juga yang tergelincir kaki kudanya."

Sedangkan saya yang bukan pahlawan lagi insaf akan kekurangan saya, apatah lagi beliau! Yang maksum hanyalah Rasul! Namun begitu Rasulullah meminta ampun jua kepada Allah 70 kali sehari.

Maka akan saya peringatkan beberapa kekhilafan beliau yang terdapat pada "Semenanjung" Bilangan 109 itu.

Pertama :

Perbandingan Kaum-Muda Turki dan Kaum-Muda Indonesia

Beliau menyatakan bahawa kata-kata *kaum-muda kaum-tua* mulai timbulnya ialah di Turki. *Kaum-muda* Turki kata beliau telah menyerang agama Islam dan menghinakan agama itu hingga akhirnya agama Islam telah keluar dari Turki sendiri. Setelah itu soal *kamu-muda* dan *kaum-tua* itu timbul pula di Indonesia. Maka kerana was-was yang ditimbulkan oleh *kaum-muda* Indonesia itu, orang Kristian telah menjalankan diayah mereka. Dan dengan itu pula lebih dari 10 juta umat Indonesia menjadi pemeluk agama Kristian dan 30 juta menjadi komunis!

لاَحَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Setelah tadinya saya telah memandang samahah al-mufti orang tua pelindung, berdebar hati saya dan nyaris jatuh beliau di mata saya. Kerana perkataan seperti ini terhadap saudara sesama Islam tidaklah layak keluar daripada orang yang kurang ilmu, apatah lagi daripada seperti beliau.

Menurut pengetahuan saya *kaum-muda* Turki *(Turkiyyatul Fatah)* bukanlah sebuah gerakan agama tetapi satu gerakan politik yang hendak memper*"muda"* kembali Turki yang telah tua nyanyuk "orang tua yang sakit di benua Eropah", demikian dikata orang! Yang dimulai oleh penyair Abdulhaq Hamid dan pengarang Giya Golkarp dan Niyazi Bek. Sebab-sebab timbul gerakan itu ialah kerana angkatan muda tidak merasa puas hati lagi dengan susunan masyarakat Turki, kerana perkongsian antara sultan dengan ulama melarang segala perubahan baru yang dianjurkan oleh Madhat Basya yang diberi orang gelaran *"Abu al-Ahrar"*. Sampai ulama-ulama mengharamkan parlimen dan sampai beberapa orang ulama yang menyatakan fikiran bebas dihukum dan diseksa.

Akhirnya menang jugalah "kaum-muda" itu, apatah lagi setelah Sultan Abdul Hamid dimakzulkan dan dibuang di Canary pada tahun 1908.

Akhirnya terjadilah peperangan dunia yang pertama dan naiklah al-Ghazi Mustafa Kamal dan nyarislah Turki hancur-lebur kalau tidak kebangkitan beliau dan kawan-kawannya. Dan, Khalifah Wahiduddin di bawah perlindungan Inggeris dan Inggeris telah menguasai Konstanipole. Wahiduddin memerangi Mustafa Kamal tetapi akhirnya Wahiduddin yang diusir keluar dari Turki.

Meskipun saya tidak menyetujui gerakan Kamal Attaturk yang terlalu keras membersihkan Turki daripada pengaruh ulama as-su', namun satu hal adalah nyata, iaitu bahawa Islam tidaklah pernah keluar dari negeri Turki. Islam yang telah dipeluk umat Turki sejak 1000 tahun masih teguh dalam negeri itu, walaupun pemerintahannya tidak berdasarkan Islam *(al-*

ulama'iyah).

Adapun apa yang dikatakan *kaum-muda* di Indonesia mulai timbul ialah pada permulaan kurun ke-19, dibawa ke Sumatera oleh orang-orang Minangkabau yang datang dari Mekah. Pada waktu mereka belum bernama kaum-muda tetapi dinamai orang Kaum Paderi mereka berperang melawan Belanda, tetapi setelah permulaan kurun ke-20 oleh Almarhum Syeikh Tahir Jalaluddin, kemudian timbul di Minangkabau dimulai oleh Haji Muhammad Jamil Jambek dan Haji Abdullah Ahmad dan Haji Abdul Karim Amrullah.

Gerakan mereka bukanlah gerakan politik, tetapi gerakan agama Islam semata-mata. Memperbincangkan masalah *ijtihad* dan *taqlid* dan menyatakan pendapat bahawa *talafaz bi niat* (melafazkan niat) tiada asal daripada Rasulullah dan sahabat-sahabatnya dan imam-imam yang empat: dan mereka memandang salah merabithahkan guru seketika mengerjakan suluk tarekat Nasyakbandi dan beberapa masalah lain berkenaan dengan ibadat akidah. Gerakan *kaum-muda* Indonesia itu menjadi meluas ke seluruh Indonesia terutama setelah Kiyai Haji Ahmad Dahlan mendirikan perkumpulan Muhammadiyah dan gerakan kaum-muda itu menjalar pula di dalam kalangan masyarakat Arab setelah al-Syeikh Ahmad Surkati mendirikan *al-Irsyad* dan lebih-lebih setelah Almarhum Tuan Hassan Ahmad Bandung mendirikan perkumpulan *Persatuan Islam.*

Al-Habib al-Nasib Shahibus Samahah al-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddads telah mencampur-baurkan gerakan kaum-muda dengan gerakan Kristian. Kata beliau kerana *kaum-muda* sudah 10 juta orang Indonesia menjadi Kristian, dan kerana *kaum-muda* telah 30 juta jadi komunis dan beliau tuduh pula

bahawa kaum-muda telah mengambil fatwanya daripada Qadiani!

Ya Shahibul Samahah! Adakah tuan berbicara itu sedang tuan sedar akan diri?

Saya tidak akan menuduh tuan seorang pembohong besar!

Cuma saya bertanya dalam hati. Perasaan apakah agaknya yang mempengaruhi tuan, atau Paduka Datuk seketika berbicara itu?

Adakah agaknya rasa benci sehingga hilang timbangan yang adil?

Dan saya tidak pula menduga bahawa samahah al-mufti seorang yang dangkal ilmunya, karut fikirannya sehingga ,

إِخْتَلَطَ عَنْهُ الْحَابِلُ بِالنَّابِلِ

Tetapi terang bahawa beliau katakan itu tidak benar!!

Dan saya tidaklah akan menasihati beliau supaya jangan menyatakan pendapat pada barang yang belum ketahui, kerana pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan ditanya kembali kelak di akhirat!

Cuma satu perkara yang hendak saya ingatkan, yakni bahawasanya,

أَلْعِلْمُ حَقٌّ مُشَاعٌ لِلْجَمِيعِ

Ilmu adalah hak yang tersebar untuk semuanya.

Kalau bukan ilmu yang dikeluarkan nescaya akan dibantah orang, tuan tak usah murka lantaran itu.

Kerana sudah begitu pula zaman sekarang, maka yang telah tuan keluarkan bahawa *kaum-muda* Indonesia sama dengan kaum-muda Turki dan lantaran *kaum-muda* Indonesia orang Kristian menyiarkan agamanya. Adalah tidak benar! Lantaran *kaum-muda* komunis berjangkit di Indonesia adalah tidak benar dan 10 juta jadi Kristian di Indonesia adalah tidak benar! Dan 30 juta jadi komunis di Indonesia adalah tidak benar! Dan *kaum-muda* mengambil fatwanya dari Qadiani adalah tidak benar!

Jadi tuan telah mengemukakan 6 macam kata-kata yang tidak benar! Tetapi sekali lagi saya ulangi, saya tidaklah menuduh bahawa mufti Johor, meskipun di atas nama sendiri telah membuat 6 macam bohong! Lebih baik saya katakan saja tidak benar! Tentang perbezaan gerakan Turki muda dengan gerakan kaum-muda Indonesia sudahlah saya nyatakan tadi.

Kedua :

Kristian dan Kaum-muda Indonesia

Samahah al-Mufti berkata: Soal-soal agama yang ditimbulkan oleh kaum kaum-muda di Indonesia itu banyak menimbulkan was-was di kalangan umat Islam di sana. Kerana itu orang-orang Kristian di sana telah menjalankan diayah mereka, dengan itu pula lebih 10 juta umat Indonesia menjadi pemeluk agama Kristian dan 30 juta menjadi komunis.

Di sini berjumpalah beberapa keterangan yang tidak benar pula, keterangan yang benar boleh diumpamakan dengan nol besar atau sifar (0). Walaupun dibariskan nol itu sampai seribu (1000) buah namun jumlahnya adalah nol (kosong) juga.

Keterangan : Agama Kristian telah masuk ke Indonesia dan Malaya sejak masuknya orang Portugis ke Melaka dan Maluku pada tahun 1511 dan selanjutnya. Kemudian itu orang Belanda dan Inggeris pun membawa pula dengan memakai perutusan yang khas, di dalam berbagai-bagai perkumpulan agama. Di dalam Protestan dinamakan *zinding* dan di dalam Katolik dinamakan *mission*. Gerakan diayah Kristian itu sudah ada sebelum ada *kaum-muda*, padahal gerakan *kaum-muda*

baru timbul pada tahun 1905 dimulai di Malaya.

Bangsa Portugis mencuba memaksakan agamanya di Semenanjung tetapi tidak berhasil sebab orang sudah memeluk Islam. Tetapi berhasil di Ambon kerana ketika itu Ambon masih jahiliah. Demikian juga di Pulau Timor dan Flores dan di dekat Ambon iaitu Ternate tidak pula berhasil maksudnya kerana sudah ada Islam, dan di Sumbawa dekat Timor tidak pula berhasil kerana sudah ada Islam. Ini terjadi 400 tahun yang lalu sebelum ada *kaum-muda*.

Di Minahasa masuk pula agama Nasrani dibawa oleh Portugis dan Sepanyol sejak 300 tahun yang lalu. Mereka langsung masuk Nasrani kerana waktu itu mereka belum beragama. Tetapi negeri-negeri Bolang Mengandu dan Bolang Oki dan Kota Bonan tidak dapat mereka Nasranikan, sebab sudah ada Islam terlebih dahulu.

Yang paling akhir menganut Nasrani ialah di Tanah Batak, Sumatera, iaitu pada awal kurun ke-19. Di sana terjadi perebutan hebat di antara perutusan Nasrani dari German dengan mubaligh Islam dari Minangkabau. Maka Tapanuli Selatan (Mandahiling) seluruhnya jadi Islam dan sebelah utara (Batak) menjadi Nasrani dan sisanya jadi rebutan sampai sekarang.

Sejak awal kurun ke-20 ini bergiatlah perutusan Nasrani di Jawa Tengah kerana lemah Islamnya di sana. Mereka mendirikan rumah sakit, rumah tempat memelihara anak yatim dan orang miskin dan mendirikan sekolah-sekolah. Maka perkumpulan Islam yang mula-mula sekali menentang gerakan Nasrani itu ialah perkumpulan kaum-muda Muhammadiyah dengan mendirikan sekolah dan rumah-rumah sakit dan tempat

memelihara anak yatim dan orang miskin pula. Adapun yang mendakwakan dirinya kaum-tua pada waktu itu Muhamamadiyah memulakan gerakannya itu tidaklah mempergunakan tenaga buat mengimbangi usaha orang Nasrani itu. Tetapi mempergunakan tenaganya buat menuduh Muhammadiyah kafir, mendirikan sekolah memakai bangku dan meja adalah haram, hal itu tidaklah kita sesali kerana kejadian pada tahun 1912. Dan orang masih bodoh. Dan sekarang kaum kaum-tua itu beransur menuruti jejak Muhammadiyah, tetapi yang kita sesali kalau di tahun 1958 masih ada tuduhan seperti demikian.

Berapakah jumlah orang Kristian di Indonesia?

Adapun bilangan pemeluk agama di Indonesia menurut bancinya hitungan tahun 1957 ialah sebagai berikut:

1. Umat Islam 73,128,000 (Tujuh puluh tiga juta seratus dua puluh lapan ribu).
2. Nasrani Protestan 3,286,265 (Tiga juta dua ratus lapan puluh enam ribu dua ratus enam puluh lima).
3. Nasrani Katolik 921,938 (Sembilan ratus dua puluh satu ribu sembilan ratus tiga puluh lapan).
4. Hindu (di Pulau Bali) 1,387,349 (Satu juta tiga ratus lapan puluh tujuh ribu tiga ratus empat puluh sembilan).
5. Budha dan Sam Kao 729,408 (Tujuh ratus dua puluh sembilan ribu empat ratus lapan).

6. Lain-lain kepercayaan 1,458,816 (Satu juta empat ratus lima puluh lapan lapan ratus enam belas).
7. Yang belum beragama 2,188,224 (Dua juta seratus lapan puluh lapan dua ratus dua puluh empat).

Dari mana angka-angka ini saya dapat?

Tuan-tuan pembaca yang budiman. Meskipun saya insaf bahawa ilmu pengetahuan saya masih rendah, namun pemerintah Republik Indonesia telah mengangkat saya menjadi pegawai tinggi kementerian agama. Dalam surat angkatan disebut "ahli agama" dan jawatan itu saya pikul dengan sumpah. Saya bertanggungjawab di depan Allah Subhana Wa Taala dan di hadapan masyarakat. Amat hinanya saya, kalau saya memperbuat-buat kata-kata yang bohong dan dusta dan palsu. Maka angka-angka saya dapati daripada catatan rasmi Republik Indonesia Kementerian Agama.

Sekarang datanglah satu angka lain daripada Shahibul al-Fadilah Was Samahah wal'alimul kabir al-luza'i wal hasibun nasib as-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad mufti Sultanul Johoriyah bahawa kerana was-was yang dibawa kaum-muda telah ada 10 juta orang masuk Kristian di Indonesia.

Tercengang terbahanalah saya membaca angka yang beliau kemukakan ini. Apakah kami beberapa orang yang rendah ilmu pengetahuan terlanjur jadi pegawai tinggi, sehingga terkecoh pada bilangan? Apakah panitia rasmi yang mengumpul bilangan itu di Indonesia yang jahil atau tertipu? Padahal yang mereka dapat kumpulkan adalah orang-orang Nasrani di

seluruh Indonesia, baik yang lama sejak beratus-ratus tahun atau yang murtad dari Islam semuanya berjumlah (Katolik – Potestan) ialah 4,208,203 (empat juta dua ratus lapan ribu dua ratus tiga orang). Lima setengah juta lagi tidak bertemu di dalam bilangan Kementerian Agama. Badan-badan khas yang berkewajipan mengumpul bilangan itu barangkali telah terpukau matanya atau lima setengah juta orang bersembunyi ketika orang-orang datang mengumpul bilang lima setengah juta, iaitu lebih banyak daripada bilangan umat Islam di Malaya sendiri. Dan separuh dari setengah juta adalah seramai orang Melayu dalam negeri Johor! Barangkali orang-orang berkewajipan di Indonesia itu lagi benar sehingga Samahah al-Mufti yang hanya duduk di negeri Johor sahaja, mengetahui dalam *kasyaf*nya bahawa lima setengah juta lagi yang belum dicatat. Maka jumlah orang Kristian di Indonesia 10 juta dan masuk Kristian sejak ada *kaum-muda!*

Kalau tuan pembaca masih ada akal sihat maka kepada tuan pembacalah saya meminta pertimbangan akal budi, manakah di antara kami yang lebih dekat kepada kebenaran? Kalau tuan terima bahawa angka-angka daripada Kementerian Agama yang salah, kerana hanya saya seorang yang hanya seorang berilmu rendah jadi pegawai tinggi dan tinggal berdiam di Jakarta dan mengambil angka itu daripada Kementerian Agama yang rasmi, sedangkan beliau adalah Mufti Kerajaan Johor dan tinggal di Johor dan berilmu tinggi dan berbangsa tinggi dan berpangkat tinggi dan bilangan beliau dapat (10 juta Kristian kerana was-was kaum-muda). Maka kalau beliau wajib dibenarkan dan saya yang mesti dikatakan tukang pendusta, maka marilah kita tutup segala jawatan dan

hentikan segala perbuatan banci hitungan dan buatlah segala khabar sebagai contoh yang diberikan mufti Johor! Mengapa dikatakan 10 juta masuk Kristian kerana was-was yang diterbitkan *kaum-muda*? Lebih baik katakan saja bahawa seluruh umat Islam 74 juta telah jadi Kristian kerana kesalahan kaum-muda, tentu orang akan percaya juga sebab mufti Johor yang berkata.

Dan kalau misalnya Raden Ahmad Natanegara konsul general Indonesia di Singapura menyatakan orang-orang Nasrani 4 juta bukan 10 juta, hendaklah bohongkan pula, kerana Samahah al-Mufti Johor berkata 10 juta. Dan kalau misalnya Tuan Doktor Razif duta besar Indonesia di Persekutuan Tanah Melayu menyatakan 4 juta, bohongkan pula, sebab mufti berkata 10 juta. Dan kalau misalnya Menteri Agama Republik berkata hanya 4 juta pun bohongkan pula, sebab mufti berkata 10 juta. Dan kalau misalnya Presiden Republik Indonesia Sukarno berkata 4 juta, bohongkan juga, sebab mufti berkata 10 juta masuk Kristian sebab was-was yang dibawa *kaum-muda*.

Barangkali tuan jemu membaca tulisan-tulisan saya itu, maaf tuan! Sebab beginilah contoh berfikir cara taklid yang dipertahankan oleh *kaum-tua*nya Mufti Johor.

Kalau tuan menjadi *kaum-tua* tuan wajib menerima khabar yang akal tuan tak menerima, tuan wajib menolak angka-angka banci hitungan. Tuan hendaklah percaya bahawa as-Sayyid Abdul Kadir Jailani pernah tidak berjumpa shalat di masjid Bahgdad. Kemudian didapati berita bahawa beliau di hari itu shalat Jumaat di dalam sungai Dajlah pada dasarnya di bawah. Dan makmumnya ialah ikan-ikan, sebab sudah lama

benar ikan-ikan ingin mengimamkan beliau. Dan tuan hendaklah percaya ada seorang syeikh tidak pergi Jumaat di negerinya padahal dia tidak musafir, tetapi dilihat orang beliau shalat di makam Imam Syafie di Mekah. Tuan hendaklah percaya bahawa seorang syeikh yang lain ziarah kepada makam Rasulullah dan menghulurkan tangannya pada lubang bersalut perak di *dharih* beliau, lalu Rasulullah menjabat tangannya dan bersalam-salamanlah syeikh itu dengan Rasulullah. Walaupun sudah terang Rasulullah sudah wafat 1368 tahun yang lalu. Kalau tuan menyatakan tidak percaya akan khabar-khabar seperti itu, atau tuan meminta sendiri cerita itu dan siapa perawinya, sebagai meneliti dan menapis hadis Nabi (s.a.w.), awaslah! Itulah tanda bahawa tuan tèlah *kaum-muda*! Tuan telah dicap sesat! Pendeknya kalau memakai akal tuan akan dituduh *kaum-muda*! Dan kalau tuan sudi menjadi bodoh, tuan jadi *kaum-tua*! Fitnah tentang orang Indonesia telah masuk Nasrani 10 juta ini pernah pula tersebar ke negeri Islam yang lain, sampai ke Mesir! Sehingga beberapa orang ulama ingin hendak berjuang ke Indonesia memperteguh Islam dan melawan Nasrani. Rupanya salah satu sumber telaga khabar bohong ini ialah daripada samahah al-Mufti Negeri Johor.

Berpuluh-puluh tahun lama pemerintah Belanda membiarkan kaum Kristian menyebarkan agama itu dan dibantu dengan wang berbilion-bilion rupiah, terutama di Tanah Jawa kerana di Jawa Tengah itu Islam kurang kuat. Kristian mendirikan rumah-rumah sakit, rumah-rumah sekolah dan memujuk fakir miskin supaya masuk Kristian. Maka bangunlah al-Syeikh Ahmad Dahlan mendirikan perserikatan Muhammadiyah lalu mendirikan sekolah-sekolah pula dan rumah-rumah sakit pula dan diberi pendidikan Islam, sedang

yang beliau dapat dari kaum-tua hanya cela dan maki, bahawa mendirikan sekolah itu haram! Bahawa dia Mustazilah, dia Khawarij dan lain-lain. Dan kaum-tua sendiri baru 20 tahun, belakang menuruti!

Adapun orang Kristian sendiri mengakui bahawa lawannya yang teratur di dalam menentang gerakan mereka dan lebih berbahaya bagi mereka ialah Muhammadiyah! Sekarang setelah Indonesia merdeka, berlumba-lumbalah kaum Islam dengan kaum Kristian di dalam memujuk orang yang belum beragama supaya masuk agama. Suku-suku Kubu (seumpama Sakai di Malaya) yang ada di Jambi berlumba-lumba masuk Islam, padahal sudah berpuluh-puluh tahun paderi-paderi Kristian memujuk tidak berhasil. Di Mentawai sebelum merdeka daripada 18,000 penduduk 6,000 (enam ribu) telah masuk Nasrani kerana usaha paderi-paderi itu berpuluh yang Islam baru 2,000 orang. Tetapi setelah merdeka ini bilangan Kristian tidak bertambah dari 6,000 sedang yang Islam sudah lebih dari 4,000 orang. Demikian juga berduyun-duyun orang diajak memeluk Islam, cuma sayang hati datuk mufti tidak akan senang mendengar berita itu, sebab sebahagian besar adalah atas usaha-usaha mubaligh-mubaligh Muhammadiyah!

Orang-orang yang murtad daripada Islam dan masuk Nasrani memang ada juga. Di Malaya pun ada juga. Barangkali ada juga dari kalangan orang tinggi-tinggi. Sebab pergaulan sosial cara Barat amat berbahaya bagi Islam di zaman sekarang. Tidak saja di Indonesia melainkan ada juga "barangkali" di Malaya. Baru-baru ini seorang kawan saya menangis tersedu-sedu kerana anak daranya telah lari dan

masuk Katolik kerana akan kahwin dengan seorang pemuda Katolik. Barangkali di Malaya pernah juga kejadian seperti ini! Maka sebagai orang Islam dan anak Melayu tidaklah saya akan menimpakan kesalahan itu kepada *kaum-muda* atau membalikkannya kepada kesalahan kaum-tua. Kerana itu adalah bahaya yang mengancam seluruh kita umat Islam dan kalau saya katakan bahawa kaum-tualah yang bersalah yang menyebabkan ada kira-kira 100,000 orang murtad dalam masa 50 tahun kerana kaum-tua itu hanya pandai menolak pembaharuan tetapi tidak membuktikan usaha yang nampak amat salahlah saya! Amat picik pengetahuan saya dan tidaklah saya berkelayakan buat memangku jawatan "Pegawai Tinggi Kemenertian Agama" yang berpenduduk umat Islam 74 juta itu. Sebab agama menyuruh kita berlaku adil terutama kalau kita memegang kendali dan neraca hukum!

Sungguhpun al-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad telah membuat khabar yang tidak benar bahawa 10 juta orang masuk Kristian kerana kesalahan *kaum-muda* Indonesia, dengan khabar tidak benar itu kami yang dikatakan kaum-muda dilukai. Namun ubat luka yang mujarab telah kami dapat. Seketika al-Sayyid Amin al-Husaini mufti Palestin datang ke Indonesia dan melihat gerakan Muhammadiyah dengan mata kepalanya, beliau berkata: "Perserikatan adalah perserikatan Islam yang paling besar dan paling teratur di dunia!!" dan kata-kata ini pun diulangnya pula seketika telah kembali ke Mesir seketika kata ini diulanginya di dalam satu haflah di Kaherah di rumah ayah al-Sayyid Fahmi al-Amrusi bulan Februari 1958. Maka seorang yang hadir bertanya: "Di seluruh dunia dia yang paling besar?" Mufti Palestin menjawab: "Memang di dunia! Di tanah

Arab pun tidak ada perserikatan agama sebesar dan seteratur ini."

Kalau Samahah al-Mufti Johor meskipun tidak atas namanya sebagai mufti, tidak percaya kepada kata-kata ini, bolehlah saya bersama-sama berkirim surat menanyakan hal ini kepada mufti Palestin itu dan bersama-sama menandatangani.

Hal itu tidak menghairankan, sebab Mufti Palestin datang sendiri dan melihat sendiri. Padahal Mufti Johor hanya mendengar berita dari orang lain menyampaikan dengan hati yang terlebih dahulu dibungkus dengan kebencian-kebencian.

Ketiga :

Lantaran Kaum-muda 30 Juta Jadi Komunis

Ketika terjadi pilihanraya pada 19 September 1955 ternyata bahawa yang memilih komunis adalah 8 juta orang, memilih Masyumi 12 juta. Yang memilih Partai Nasional 12 juta pula dan memilih Nahdahtul Ulama 7 juta! Setelah pemilihan, di belakang itu yang memilih Masyumi dan Nahdatul Ulama tidaklah banyak berkurang! Dan yang memilih komunis itu tidaklah semuanya komunis hanyalah menyatakan suka kepada komunis kerana bagus dan pandai diayah mereka, tetapi kalau keterangan Sayyid Mufti Johor itu benar, yakni 30 juta jadi komunis, nescaya telah hampir separuh orang Indonesia jadi komunis! Dan yang punya salah ialah *kaum-muda*!

لاَحَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ

Sebagai diketahui sekarang di Indonesia ada huru-hara. Sebab pada pendapat Paduka Yang Mulia Presiden Sukarno hendaklah dibentuk satu pemerintahan yang disertai juga kaum komunis sebab beliau tidak mahu memandang ringan kaum komunis yang dipilih oleh 8 juta rakyat Indonesia! Ini adalah kata beliau sendiri! Kalau presiden Republik Indonesia berkata

bahawa semuanya komunis, lalu berkata pula mufti negeri Johor di Malaya bahawa komunis di Indonesia bukan 8 juta tetapi 30 juta, manakah yang tuan percaya? Kalau tuan percaya juga kepada Mufti Johor (30 juta) dan membohongkan presiden Sukarno (8 juta yang memilih komunis) maka kita katakan sajalah bahawa merah adalah putih dan belut itu ular dan barangsiapa yang membantah kafir! Habis perkara!

Kalau benar khabar bahawa telah 30 juta jadi komunis di Indonesia adakah makqul bahawa ini dari salah kaum-muda saja? Bukankah di mana-mana kaum-tua itu pun ada pula ulamanya, bahkan ada yang memakai mufti, Sheikhul Islam dan lain-lain?

Saya tidaklah menyatakan pihak di antara huru-hara Indonesia sekarang ini, tetapi saya tidak menyatakan kejadian yang nyata pemberontakan-pemberontakan yang timbul di Indonesia, kerana tidak mahu menerima pendirian presiden itu ialah di Aceh. Pimpinannya ialah seorang ulama *kaum-muda* namanya Muhammad Daud Beurueh. Dan salah seorang yang menyatakan bersetuju dengan kaum-kaum pemberontak di Sumatera Barat ialah Syeikh Ibrahim Musa salah seorang ulama *kaum-muda* yang besar di Indonesia. Dan yang memimpin di Sulawesi Selatan ialah Abdul Kahar Muzakkar yang dahulunya belajar di Sekolah Menengah Muhammadiyah di Yogya. Mereka tidak senang kalau kaum komunis turut memerintah atau terpengaruh dalam pemerintahan.

Adapun di dalam pemerintahan sekarang ini tidaklah ada orang parti komunis! Namun begitu mereka masih menentang kerana tidak suka akan pengaruh komunis!

Kaum-muda melawan komunis bukan menimbulkan komunis! Saya harap dengan beribu-ribu pengharapan sudilah Samahah al-Mufti mendoakan moga-moga Indonesia aman kembali dan sudi pula merubah pandangannya yang salah.

Pertama, mengatakan komunis 30 juta di Indonesia.

Kedua, mendakwa kaum-muda yang menjadi sebab bertambah besarnya pengaruh komunis!

Keempat :

Kaum-muda Menerima Fatwanya Dari Qadiani?

Seketika Ahmadiyah mula-mula masuk ke Indonesia tahun 1923, maka yang mula-mula mengarang buku menolak fahaman mereka ialah ulama besar di Sumatera Sheikh Abdul Karim Amrullah dengan bukunya yang bernama *"al-Qaulush Shaheih"* dan Sheikh Abdullah Ahmad dengan surat khabarnya yang bernama "Buka Mata", padahal kaum-tua Sumatera Barat ketika itu masih bekerja keras menuduh *kaum-muda* Muktazilah. *Kaum-muda* Khawarij, dan lain-lain.

Ketika kaum Ahmadiyah Lahore datang pula ke Yogya di tahun 1924, tertariklah dua orang anggota Muhammadiyah. Kedua orang itu ialah Joyo Sukito dan Muhammad Husni dan pada tahun 1933 atas anjuran satu panitia, Almarhum Tuan Ahmad Hassan Bandung mengadakan perdebatan dengan mubaligh Ahmadiyah Qadiani Ahmad Shadiq dengan Abu Bakar Ayub. Turut hadir as-Sheikh Abdullah Ahmad, seluruh yang mencintai Islam walaupun kaum-tua sendiri sangat menghargai hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Almarhum Tuan Hassan Bandung itu – kecuali Mufti Johor! Dan tidaklah ada *mujadalah* yang sehebat itu baik sebelumnya atau sesudahnya.

Maka kalau tuan mufti Johor kembali kepada suara hati sanubarinya, patutlah dia menghargai jasa dan usaha Almarhum Tuan Hassan Bandung itu. Selain dari perbahasan itu beliau pun mengeluarkan pula buku-buku menentang Ahmadiyah, tetapi jangankan menghargai jasa orang, malahan Samahah al-Mufti telah membuat berita bahawa *kaum-muda* memakai fatwa Ahmadiyah. Ketika saya datang ke Singapura pada bulan September 1956 khabar buatan Samahah al-Mufti itu telah saya bantah, tetapi Samahah al-Mufti masih membuat khabar itu sekali lagi. Sekarang terserahlah kepada orang ramai menguji manakah di antara kami yang berdusta. Sebab berita-berita dan buku-buku tentangan Almarhum Tuan Hassan Bandung kepada Ahmadiyah itu masih ada dan boleh dipesan kepada beliau sendiri di Bangil sekarang!

Sebagai mufti daripada sebuah kerajaan Melayu Islam, nescaya beliau lebih tahu daripada saya bagaimana besar dosanya membuat khabar dusta saudara sesama Islam! Saya yakin benar bahawa Samahah al-Mufti Johor bukanlah seorang yang fasik: Subhanallah! Sebab itu tidaklah saya pakai penggal ayat:

إِذَا جَاءَكُمْ فَاسِقٌ

Saya hanya pakai hujung ayat iaitu *"panbituwa"* maksudnya kalau saudara-saudara hendak terlepas dari khabar yang tidak benar, sudilah menyelidiki sendiri. Sudilah berhubungan dengan Almarhum Tuan Ahmad Hassan – Persatuan Islam – Bangil, nyatakan kepadanya dan minta kepadanya buku-buku bidasan beliau kepada Ahmadiyah! Dan cuba juga nyatakan kalau tuan tidak keberatan. Kepada Ahmad Sadik mubaligh Ahmadiyah di Singapura benarkah mereka

berdebat dengan Almarhum Tuan Ahmad Hassan di Bandung dan di Jakarta pada tahun yang saya sebutkan dan dihadiri oleh beribu-ribu orang.

Bagaimanapun perbezaan pendapat kita di dalam fahaman-fahaman agama namun membuat khabar-khabar yang tidak benar untuk menjatuhkan lawan tidaklah layak. Kerana kalau perbuatan itu dikerjakan oleh ulama-ulama bagaimanakah jadinya pandangan orang ramai?

Beliau berkata bahawa: "*Kaum-muda* mengambil fatwa-fatwa mereka daripada Qadiani dan Almarhum Tuan Hassan Bandung dan mereka tidak percaya kepada beberapa tiang-tiang Islam."

Dengan keterangan saya kemukakan tadi jelaslah bahawa Almarhum Hassan Bandung lain dan Ahmadiyah lain. Dan menyamakan keduanya adalah satu fitnah besar yang boleh meragukan saya, benar-benarkah as-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad seorang yang berpegang kepada kewajipannya sebagai mufti?

Benarkah kaum-muda tidak percaya kepada beberapa tiang-tiangan agama Islam?

Ini adalah satu tuduhan yang amat berat, Samahah al-Mufti wajib menunjukkan bukti atas tuduhan yang maha berat itu, seberat bumi dengan langit. Kalau itu dibahasa-Arabkan, tentu bunyinya demikian:

إِنَّ ٱلْقَوْمَ ٱلْجَدِيْدُ لَا يُؤْمِنُ بِبَعْضِ أَرْكَانُ ٱلْإِسْلَامِ

Sebagaimana dimaklumi pembawa *kaum-muda* di

Malaya dan Indonesia adalah Syeikh Tahir Jalaluddin, kalau difikirkan tuduhan Samahah al-Mufti adalah Syeikh Tahir Jalaluddin tidak percaya dengan setengah tiang-tiang Islam, Syeikh Muhammad Jamil Jambek dan kawan-kawannya di Sumatera adalah pembawa fahaman *kaum-muda* di sana oleh sebab itu menurut mufti mereka tidak percaya kepada setengah tiang-tiang Islam, Syeikh Ahmad Dahlan pendiri *kaum-muda* di Tanah Jawa menurut mufti tidak pula percaya dengan setengah daripada tiang-tiang Islam. Almarhum Tuan Ahmad Hassan Bandung guru *kaum-muda* Persatuan Islam, tentu tidak percaya pula dengan sesetengah daripada tiang-tiang Islam menurut mufti dan saya sendiri berguru kepada ulama-ulama *kaum-muda* Sumatera terutama ayah saya as-Syeikh Abdul Karim Amrullah, yang mati di dalam pembuangan kerana tidak suka menundukkan kepalanya kepada penjajah Belanda, kemudian saya menjadi *kaum-muda* Muhammadiyah pula. Nescaya saya pun masuk pula ke dalam tuduhan Samahah al-Mufti.

Dan semua guru-guru *kaum-muda* itu telah meninggalkan bekas amalan di tanah Indonesia dan Malaya dan di Siam, di antaranya Syeikh Ahmad Khatib di Bangkok! Penganut fahaman mereka telah lebih banyak sepuluh kali ganda daripada penduduk Johor sendiri! Bahkan di Johor sendiri pun bukan sedikit kaum-muda! Di hadapan hidung Samahah al-Mufti.

Semuanya ini menurut natijah daripada kata Samahah al-Mufti itu tidak percaya kepada beberapa tiang-tiang Islam! Tidak percaya kepada beberapa tiang Islam tentu kafir.

Orang umum pun tahu bahawa tiang Islam yang wajib dipegang oleh sekalian Muslimin adalah sebelas perkara: enam

pada bahagian iman dan lima pada Islam: Maka barangsiapa yang tidak percaya kepada satu saja daripada sebelas itu, nescaya kafirlah dia! *Nau 'zubillah*!

Supaya lebih jelas, hendak saya terangkan dasar akidah kami kaum-muda:

1. Kami percaya adanya Allah Subhanallah Wa Taala dengan sifat-sifatnya yang 20 kalau dikembang dan 13 kalau diringkaskan, dan tersebutlah sifat-sifatnya pada *asmaul husna* yang 99.
2. Kami percaya kepada malaikat-malaikat-Nya sebagaimana tersebut di dalam al-Quran.
3. Kami percaya kepada kitab-kitab yang diturunkan Tuhan dengan perantaraan Jibril kepada Rasul-rasul dan Nabi-nabi. Empat kitab besar iaitu Taurat kepada Musa. Zabur kepada Daud. Injil kepada Isa dan al-Quran atau al-Furqan kepada Muhammad (s.a.w.) dan *shuhuf-shuhuf* kepada Ibrahim dan Musa, dan al-Quran menasakhkan kitab-kitab yang terdahulu daripadanya.
4. Kami percaya kepada Rasul-rasul dan Nabi-nabi sebagaimana tersebut namanya dalam al-Quran iaitu 25 rasul dan kami percaya bahawa sesudah Muhammad (s.a.w.) tidak ada Rasul dan Nabi lagi. Lantaran itu kami tidak percaya kepada kerasulan atau kenabian Mirza Ghulam Ahmad atau *Bahaullah* dan lain-lain.
5. Kami percaya kepada Hari Akhirat, berbangkit sesudah mati dan ditimbang dosa dan pahala manusia.
6. Kami percaya dengan *qada'* dan *qadar*.

Kami percaya dan mengamalkan rukun Islam yang lima:

1. Syahadat kami,

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللّٰهِ

2. Kami shalat lima waktu, bahkan menambah lagi dengan yang *nawafil* (shalat sunah) sekadar tenaga.
3. Kami puasa bulan Ramadan bahkan menambah lagi dengan *tathauwu'* sekadar kuasa.
4. Kami membayar zakat atas harta yang cukup senisab dan sampai *hol*nya.
5. Kami naik haji sekurang-kurangnya sekali seumur hidup atas kuasa berangkat ke sana.

Dan kami beriktikad sebagaimana beriktikadnya seluruh *ahli sunnah wal jamaah* bahawasanya segala orang yang mempercayai rukun iman 6 perkara dan rukun Islam 5 perkara tidak boleh dikafirkan. Tidak satu pun daripada iktiqad yang 11 itu yang kami ingkari, usahkan beberapa iktiqad atau tiang agama sebagai difitnah oleh Samaah al-Mufti. Dan kami tidak menyimpan di rumah kami kitab-kitab pegangan lain yang dapat meragu-ragukan atas tiang-tiang Islam itu, kami tidak seperti kaum Syiah yang berselimutkan "taqiyyah" yakni lain di mulut lain di hati.

فَسِرِّي كَإِعْلاَنِي وَتِلْكَ خَلِيقَتِي

وَظُلْمَةُ لَيْلِي كَضَوْءِ نَهَارِيَا

"Rahsia kami sama dengan kenyataan kami, demikianlah budi perangai kami dan gelap-gelita malam kami sama dengan cahaya siang kami."

Adapun yang daripada yang sebelas perkara itu banyaklah perlainan pendapat di antara ulama-ulama ikutan kita, sebagai pepatah orang Melayu "cincang air tiada putus", dan kita diberi kebebasan oleh Allah Taala buat berfikir. Walaupun kadang-kadang berbeza pendapat kami. Kami tidak mahu berkata: "mesti turut pendapat kami kalau tidak maka adalah engkau kafir."

Selama berbangkit perlainan fahaman di antara kami yang dikatakan kaum-muda dengan pihak yang dikatakan kaum-tua, kalau diperiksa dengan secara ilmiah, bukan hawa nafsu yang dikemukakan maka yang kita perselisihkan barulah hal-hal yang telah diperselisihkan oleh orang-orang dahulu daripada kita juga.

Kalau kita tidak benci-membenci, kalau tidak ada di antara kita yang menuduh ikhwannya sesama Islam dengan tuduhan kafir atau kata-kata yang menghinakan, mungkin kita dapat ambil-mengambil dan tukar-bertukar fahaman. Hanya Tuhan sajalah yang mempunyai kebenaran yang mutlak.

Apa yang dihebohkan sekarang? Misalnya daging babi tiada najis disentuh dan haram dimakan atau daging biawak halal dimakan. Dahulu dari kita pun telah ada ulama ikutan kita berfahaman demikian. Kita sudah sama-sama membaca yang begitu di dalam kitab-kitab mereka, mengapa lekas sekali menuduh kafir orang yang berkata demikian di zaman sekarang. Tuan tidak usah mengikut fahaman itu, kerana kita tetap bersatu

dalam rukun yang 11, berfikir adalah tanda hidup, berlain-lainan pendapat adalah alamat ada kemajuan pada diri kita masing-masing. Tuan membaca kitab-kitab dan kami pun membaca pula. Tetapi kita satu di bawah perlindungan kalimah *La Ilaha Illah'allah* bersatu di bawah bendera *Muhammad Rasulullah.* Bersatu menghadap kiblat Kaabah Allah!

Kita bersatu pada urat dan pada pohon, Adapun jika banyak cabang kayu adalah itu alamat suburnya.

KHILAFIYAH

Jika kami hendak dikatakan salah, adalah kerana kami yang mula-mula membuka mata, yang mula-mula menerangkan isi kitab yang tersembunyi misalnya sejak 1000 tahun dahulu telah tertulis di dalam kitab-kitab termasuk juga kitab-kitab di dalam mazhab Syafie ada ulama yang menyatakan bahawa melafazkan *ussalli* di permulaan takbiratul-ihram tidaklah berasal dari Nabi, tidak daripada sahabat-sahabat tidak daripada tabiin dan tidak daripada keempat-empat ulama ikutan kita, Imam Malik, Abu Hanifah, Muhammad bin Idris Asya-Syafie dan Ahmad bin Hambal. Sedang yang terajarkan lebih dahulu ialah memakai *ussalli.* Maka pada tahun 1911, dibukalah hal itu oleh al-Syeikh Abdul Karim Amrullah dengan bukunya *"al-Fawaidul A'liyah"* dibukanya seperti biasa saja. Lalu ulama yang lain terkejut. Ada yang menentang sebab orang awam telah biasa memakai *ussalli.*

Kemudian ada yang marah kerana nas keterangan itu diambilnya pula pada kitab *Zaadul Ma'ad* karangan Ibnu Qayyim yang bermazhab Hambali dan ada pula yang lebih

marah lalu memaki-maki dan mencarut-carut mengatakan al-Haj Abdul Karim Amrullah (Haji Rasul) telah keluar dari mazhab! Bahkan ada yang gelap mata lalu menuduh Muktazilah dan Wahabi! Sebab tuduhan Wahabi adalah tuduhan berisi penghinaan. Pada tahun 1911, lantaran itu Haji Abdul Karim pun marah orang membidas dia pun membidasnya, orang kasar dia pun kasar maka pindahlah hal itu kepada orang awam yang tidak mengerti persoalan, maka berbelahlah umat! Lama kelamaan bertambah banyak juga yang shalat tidak memakai *ushalli* kerana bertambah banyak yang pandai membaca kitab-kitab Arab.

Pada sekitar tahun 1930, terjadi pula di kalangan orang Arab Indonesia heboh besar perkara memakai gelaran "as-sayyid" *kaum-muda* orang Arab iaitu *al-Irsyad* menganjurkan memakai gelaran itu pula yang bukan keturunan al-Ba'alwi maka tumbuhlah ribut sampai ada pihak-pihak yang memohon perlindungan kepada penjajah Belanda supaya dilarang yang selain Ba'alwi memakai gelaran itu tetapi orang *al-Irsyad* berkeras kepala memakai juga gelaran itu as-Sayyid Umar Hubeis, as-Sayyid Abdullah Bajuri, as-Sayyid Muhammad bin Thalib! Maka terjadilah pertumpahan darah di Bandowoso, Jawa Timur. Pemerintah Belanda insaf bahawa ehwal itu tidak boleh dicampurinya. Pada waktu itu ada juga terdengar fatwa bahawa barangsiapa yang memakai gelaran *sayyid* padahal dia bukan keturunan Sayidina al-Hussain haramlah hukumnya. (Barangkali ada juga yang berfatwa: Kafirlah hukumnya!). Sebab ada hadis Nabi mengatakan bahawa Sayidina Hussain bin Ali bin Abi Thalib *radhiallahu anhu* adalah "sayyid syabab ahlul jannah" oleh kerana Sayidina al-Hussain telah dijanjikan

Rasulullah jadi *sayyid* di syurga maka hanya anak cucunya saja yang berhak memakai gelaran *sayyid* di dunia! Dan barangsiapa yang tidak berfikir begitu adalah Wahabi! Pada tahun 1936, datanglah seorang alim lagi *siasi* dari Mekah bermazhab Asy-Syafie dan putera dari seorang ulama Syafie yang terkenal menjadi imam dan khatib di Masjidil Haram. Alim itu ialah *as-Sayyid Abdul Hamid al-Khatib bin Almarhum as-Syeikh Ahmad bin Abdul Latif al-Khatib al-Minangkabaui.* Bukan Arab dan bukan zuriat Rasul. Gelaran sayyid itu ditulis pada buku-buku yang dikarangnya dan pada kartu namanya. Padahal beliau dipandang kaum-tua.

Maka diamlah fatwa tadi. Termenunglah kaum yang berkeras mempertahankan gelaran hanya untuk golongan mereka dan tersenyumlah *kaum-muda al-Irsyad.* Betapa pula sekarang? Di negeri Mesir yang selalu diharapkan menjadi benteng terakhir kaum-tua untuk meminta fatwa penuduh kaum-muda sesat, zindiq, mulhid dan sebagainya sebab di sana ada al-Azhar. Sejak tahun 1952 dihapus gelaran *basya* (pasha) atau *bek* atau *nabil* atau *amir*; dan semua orang sejak daripada presiden Gamal Abdul Nasir sampai kepada polis menjaga jalan, dipanggil "sayyid". Al-Sayyid Jamal Abdul Nasir, as-Sayyid Anwar Sadat, as-Sayyid Abdul Hakim Amar walaupun sedikit keturunannya Hassan dan Hussain. Semua orang di Mesir dipanggilkan "sayyid" walaupun khadam hotel. Menjadi "as-sayyidul khadam". Dan ini pun sudah sampai ke Sirya dan Iraq dan Lubnan! Orang Kristian di Lubnan dipanggil sayyid!

Adapun di Indonesia sendiri sudah teduh pancaroba sayyid di antara al-Irsyad dan *rabithah alawiyah* maka datang gerakan persatuan Arab Indonesia yang terdiri dari pemuda-

pemuda Arab, baik Ba'alwi atau pun bukan Ba'alwi. Mereka menganjurkan panggilan "al-akhi" saja, dan di dalam berbahasa Indonesia mereka memanggil satu dengan lainnya dengan panggilan "saudara". Saya mempunyai saudara-saudara keturunan Ba'alwi yang menghilangkan sama sekali gelaran "sayyid" di muka namanya, seumpama Saudara Abdur Rahman Shahab, Saudara Hussein al-Habsi, Saudara Hamad al-Qadri, Saudara Hussein al-Attas, dan lain-lain.

Maka orang tua yang dahulu berusaha keras mempertahankan gelaran itu dengan segala daya-upaya, menuduh sesat, zindiq, Wahabi, mulhid, orang tua itu sekarang masih hidup untuk menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri kemenangan yang sekian kali dari gerakan *kaum-muda*! Akhirnya semua orang hendak dikafirkan. Tinggal beliau saja yang Islam! Dinyatakan pula memakai dasi tidak haram. Lalu timbul bantahan yang keras dari kaum-tua dasi haram! Timbul pula pendapat *kaum-muda* bahawa memakai serban tidaklah wajib, hanyalah kebiasaan saja. Maka oleh kerana telah terbiasa orang memakai serban orang pun marah. Campur pula orang awam! Keadan bertambah heboh! Lama-kelamaan telah ramai orang memakai dasi walaupun kaum-tua. Telah ramai yang tidak berserban, walaupun kaum-tua! Kejadian pula satu hal yang lucu dan jenaka di satu kerajaan Melayu di Sumatera Timur, seorang ulama di sana kerana teramat marah kepada *kaum-muda*, lalu mengharamkan dasi. Hal itu terjadi pada tahun 1917. Sedang beliau berfatwa dengan memakai alasan hadis:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

"Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum maka adalah dia daripada kaum itu."

Tiba-tiba masuklah ke dalam majlis itu Tuanku Sultan dan ke bawah duli memakai dasi. Sebentar itu juga keluar hujung hadis itu, ditambah oleh kebijaksanaan *syaikhuna al-fadhil: "al-ilhajat"* – kecuali ada hajat! Jadi ada rupanya hukum-hukum ini hanya istimewa dibikin untuk menghentam *kaum-muda, wayahrumu a'la* kaum-muda, *wayandub* ke bawah duli! Ah, misal itu sudah lama, sudah 40 tahun. Dan kejadian di Sumatera, bukan di Malaya dan bukan di Johor! Johor tidak begitu!

Maka pengalaman kita sejak 50 tahun patutlah menjadi iktibar kita sekarang, banyak isi kitab yang tersembunyi dikeluarkan. Dan banyak tumbuh masalah baru yang hendak kita kiasi dan kita tapis! Jangan marah tetapi telek baik-baik, bicarakan dengan tenang. Kerana kalau disambut hanya dengan marah, tentu yang mengeluarkan pendapat itu marah campur pula orang awam. Maka bahas berganti jadi *jidal,* tumbuhlah permusuhan! Pengalaman 50 tahun jadi pelajaran bagi kita. Hanya kucing saja yang tidak berubah kerana pengalaman walau pun bermukim di Mekah 20 tahun.

Memang ada juga orang yang tidak suka berebut-rebut. Jangan buka-buka masalah baru. Biarkan orang tinggal bodoh seperti dahulu dan kalau adapun fatwa dari mufti, hendaklah terima dengan: Na'am! Tetapi orang itu sudah sangat jauh ditinggalkan keretapi!

Cubalah fikir! Di pondok-pondok, di surau-surau, di madrasah-madrasah diajarkan bahasa Arab. Lama-lama murid-

murid itu telah pandai pula membuka kitab. Dan kitab-kitab seluruh mazhab, bukan mazhab Syafie sahaja telah dicetak dan dijual murah tidak ditulis tangan lagi! Bahkan kitab-kitab karangan Ibnu Hazm an-Andalusia al-Zahiri pun dicetak. Kitab-kitab Ibnu Taimiyah, kitab Ibnu Qayyim, kitab Muhammad bin Abdul Wahab, kitab Amir Shan'ani, kitab al-Imam Syaukani dapat dibeli, dapat dipesan. Sedang kitab ulama tua hanya at-Tuhfah an-Nihayah dan al-Minhaj dan Qalyubi dan U'mairah, tentu saja keluar pendapat-pendapat yang zahirnya baru kerana baru dibuka dan hakikatnya telah lama kerana lama tersimpan.

Maka murkalah bapak mufti! Ini haram, ini Muktazilah, ini Khawarij, ini Wahabi, ini kaum-muda! Dan ini kafir! Kadang-kadang terpaksa mencampuri aduk Almarhum Hassan Bandung dengan Ahmadiyah atau membuat khabar yang tidak-tidak, mengatakan telah murtad orang Indonesia 10 juta kerana was-was *kaum-muda*.

Mulanya tentu orang terkejut, tetapi akan ada yang menyelidiki dan ternyata khabar itu tidak benar! Maka jatuhlah air mukanya seorang mufti di hadapan orang ramai, kecuali di kalangan orang yang taksub! Siapa yang rugi? Tentu kita umat Islam juga. Padahal yang kita perselisihkan bukanlah pokok-pokok bukanlah tiang, bukanlah pohon, hanya ranting dan cabang.

Sungguh! Jika ada orang penganut agama lain menghinakan salah seorang daripada ulama Islam, walaupun dia membenci saya sebab saya kaum-muda, maka tenaga pena saya akan saya pergunakan membela dia.

Pada tahun 1626, Syeikh Nuruddin ar-Tarmizi Aceh telah

mengarang kitab fikah *Shirathul Mustaqim* dalam bahasa Melayu huruf Jawi. Pada masa itu pula Syeikh Abdul Rauf al-Mansuri telah menyalin *Tafsir Baidhawi* ke bahasa Melayu huruf Arab. Dan baru kira-kira tahun 1750, Syeikh Arsyad bin Abdullah al-Banjari memperpanjang kitab *Shirathul Mustaqim* dengan kitabnya *Sabilal Muhtadin.* Jadi yang pertama sudah 300 tahun dan yang kedua sudah 200 tahun. Setelah itu boleh dikatakan jarang sekali yang menyambung usaha mereka.

Barulah timbul kembali perhatian menyambung usaha mereka dengan giat setelah datang ulama *kaum-muda.* Sejak dari Syeikh Tahir Jalaluddin di Malaya, sampai kepada syeikh-syeikh di Minangkabau, dilanjutkan oleh Almarhum Syeikh Ahmad Hassan Bandung, Syeikh Mahmud Yunus, Syeikh Abdul Halim Hassan (semua mengarang tafsir) dan Syeikh Muhammad Hasbi Asy-Syiddiqi, Syeikh Zainal Arifin Abbas, Syeikh Munawar Khalil, Syeikh Sulaiman Rasyid dan lain-lain, mengenai ilmu al-hadis dan tafsir-tafsir dan kadang-kadang dimasukkan orang pula nama *al-haqir* ini di dalam golongan ulama *al-i'lam* itu meskipun al-hakir tahu belum makamnya!

Maka banyaklah faedah usaha mereka itu bagi memberikan keterangan agama kepada umat. Di Malaya timbul pula al-Ustaz yang dinamai *kaum-muda* itu berusaha menuangkan ilmu yang ada padanya, bintang-bintang yang berkelap-kelip di langit Malaya, seumpama al-Ustaz al-Fadhil Abu Bakar asy-Syaari, al-Ustaz al-Fadhil Mustafa Abdul Rahman, dan lain-lain.

Tiba-tiba dibidas saja semuanya, *kaum-muda* tidak percaya beberapa tiang-tiang Islam, *kaum-muda* mengambil

fatwa dari Ahmadiyah. Kerja mereka tidak dibantu dan kaum-tua tidak berusaha seperti mereka: Hanya mencacat mencela "haram! Mengkafirkan".

Dalam berfatwa haram, memfitnah bahawa *kaum-muda* sama telaganya dengan Ahmadiyah itu orang tidak berhenti membaca buku *kaum-muda*. Karangan Almarhum Hassan Bandung, Hasbi Asy-syiddiqi, Abdul Halim Hassan, Zainal Arifin Abbas, Sulaiman Rasyid datang juga mengalir ke Malaya, bertambah sehari bertambah banyak jumlah pembacanya.

Bertambah setahun bertambah ramai pula pemuda Malaya datang belajar ke Yogyakarta pusat Muhammadiyah, ke Bangil tempat tinggal Almarhum Tuan Hassan Ahmad Bandung, ke Padang Panjang tempat mulai tumbuhnya gerakan *kaum-muda*. Mereka pulang membawa suara baru! Pembaca-pembaca buku *kaum-muda* itu, ditambah dengan pemuda yang pulang dari Indonesia. Mereka tidak mahu lagi menelan mentah-mentah apa yang dikatakan oleh yang tua-tua. Mereka sudah berani bertanya, "Apa sebab?"

Di Malaya pun berdiri Kolej Islam dengan guru-guru dari Mesir. Satu syarat mutlak dari suatu sekolah tinggi ialah menyelidik hukum dengan bebas, ertinya *Ijtihad*. *Taqlid* adalah musuh nombor satu dari sekolah tinggi! Keluar dari sana mereka akan bertanya pula "Apa sebab?" tentu akan keluar pula dari Kolej Islam itu hasi-hasil penyelidikan yang mendalam. Berbeza yang dipegang samahah al-mufti selama ini. Maka sekali lagi murka pulalah mufti dan keluar pula fatwanya: Kolej Islam itu kafir! Sebab mengajar berfikir.

Saya melihat sebuah gambar dalam akhbar *"Semenanjung"* iaitu orang shalat Hari Raya Aidil-adha dahulu Kelantan. Menurut kitab-kitab fikah dan hadis, Rasulullah shalat hari raya ke tanah lapang. Gerakan ini dimulai oleh Muhammadiyah dan telah dijadikan istiadat negara Indonesia. Nescaya sunah nabi ini dihidupkan oleh anak-anak Kelantan yang memang ramai belajar di sekolah Muhammadiyah di Yogyakarta. Tentu mufti Johor sekali lagi akan marah, sebab ini mengikut Muhammadiyah dan Muhammadiyah itu kaum-muda dan kaum-muda: kafir.

Tetapi kalau ada orang bertanya: Apakah kafir pula Sayyid Ali bin Abdul Rahman al-Habsyi yang pernah dijemput menjadi imam ke tanah lapang di Jakarta? Dan apakah kafir pula presiden Sukarno dan Hatta yang ikut shalat ke tanah lapang? Mungkin dapat pula jawab, *Illa lihajati.*

Dan di waktu saya ke Mesir saya berjumpa berpuluh-puluh pemuda Malaya dan berbelas pemudinya. Masuk di kuliah *syariah,* kuliah *usuluddin,* kuliah *loghatul arabiyah* di Jamiyyah al-Azhar, di Jamiyyah al-Qahirah, Jamiyah 'Ain Syam, di kuliah Darul-ulum! Di sekolah-sekolah tinggi diadakan penyelidikan yang mendalam. Diadakan *dirasah,* diadakan *research.* Hukum-hukum fikah dibongkar dan ditinjau kembali, kadang-kadang yang dipandang kuat orang dahulu ternyata lemah menurut penyelidikan baru. Dan hampir semua sekolah-sekolah tinggi itu, tidak kecuali al-Azhar, dipelajari pula filsafat! Yang mendengar nama itu saja terlompat langsung dari mulut samahah mufti: Kafir!

Beribu-ribu kita *kaum-muda* Indonesia masuk ke Malaya, setiap pekan, setiap kapal masuk. Beratus-ratus kitab

berbahasa Arab hasil penyelidikan baru datang pula dari Mesir. Pemuda-pemudi Malaya beratus-ratus belajar di Mesir: dan mereka pasti akan pulang membawa semangat baru, sebab Mesir yang sekarang pun bukan Mesir yang dahulu lagi dan yang belajar di Indonesia pun akan pulang pula, bahkan di Kelantan telah ada yang mengajak orang shalat ke tanah lapang. Sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang, di Gunung Semanggul, di Kepala Batas, di Perlis, di Kelantan di Terengganu dan di mana-mana, semuanya adalah bibit kaum-muda. Kolej Islam berdiri, guru-guru dari Mesir, guru-guru bersemangat baru dari al-Azhar, semuanya akan membuka masalah baru yang lebih dahsyat daripada urusan daging babi tiada najis kalau disentuh.

Mufti telah berfatwa hendaklah kitab-kitab kaum-muda dibakar, tidak ada yang mahu membakar mungkin satu waktu datang fatwa pula: di larang anak belajar ke Mesir dan ke Indonesia. Tutup Kolej Islam! Suruh pulang guru-guru dari Mesir itu. Sebab semuanya membuka mata orang Melayu dan mengajarnya pintar, mengajarnya bertanya "Apa sebab?". Mufti lebih senang kalau umat Melayu seperti dahulu saja, membaca kitab "perukunan" atau kitab "Abu Masyarfalki". Lebih baiklah umat Melayu tinggal bodoh, supaya dia tetap Islam. Iaitu Islam menurut patuh akan fatwa *samaah al-mufti*.

Sayang sekali, di seluruh Malaya telah menjalar *kaum-muda* itu. Dengan segala daya-upaya mufti mempertahankan kedaulatannya. Sampai *kaum-muda* disamakan dengan Ahmadiyah! Namun *kaum-muda* bertambah ramai juga.

Hanya satu hal saja yang samahah al-mufti tidak mahu mengaku iaitu: Sekarang sudah ramai orang yang alim, bahkan

sudah ada menyamai beliau atau melebihinya. Maka fatwa-fatwanya terutama mengkafir-kafirkan orang hanya dapat diterima oleh orang yang di bawah beliau saja. Habislah pertahanan mufti. Hanya tinggal satu: Kafir!

TIANG-TIANG ISLAM

Pada pembicaraan saya di atas tadi telah saya nyatakan dasar akidah *kaum-muda*, saya huraikan bahawa *kaum-muda* tetap percaya kepada keenam-enam tiang (rukun iman) dan kelima-lima tiang (rukun Islam).

Mari kita tilik bersama pada al-Quran, pada al-Hadis, pada pendapat ulama keempat mazhab! Mari kita pula melihat mazhab Daud al-Zahiri atau al-Auza'i, bahkan marilah kita melihat seluruh kitab kaum Syiah bahkan Khawarij, adakah berlebih rukun iman dari enam perkara? Rukun Islam dari lima perkara? Menurut pengetahuan saya tidak!

Mengapa kami kaum-muda dituduh ingkar daripada beberapa tiang Islam? Padahal sehingga ingkar akan satu sudah kafir. Apatah lagi sudah beberapa. Kata-kata beberapa di dalam bahasa Melayu atau Indonesia hampir bersamaan kuasanya dengan kalimat *"bidhai"* dalam bahasa Arab iaitu lebih dari tiga di bawah sembilan. Atau *"ba'dha"* yang berat kepada setengah.

Almarhum Tuan Ahmad Hassan Bandung mengarang kitab bernama "At-Tauhid". Adakah di dalamnya yang ingkar akan beberapa tiang Islam itu? Kitab itu tersebar di Malaya!

Saya ada mengarang "Pelajaran Agama Islam" menghuraikan rukun iman yang enam perkara. Adakah agak satu saja tiang Islam yang saya ingkari? Cubalah tunjukkan ya samahah al-mufti, Allah *yakdik*! Kalau ada silalah haramkan kedua kitab itu.

Dan berpuluh lagi kitab kawan-kawan yang lain, dibaca oleh sudara-saudara Muslimin di Malaya.

Disebut-sebut pula tafsir al-Quran karangan Almarhum Tuan Ahmad Hassan Bandung cuba tunjukkan di tentang mana yang mengingkari tiang-tiang Islam, *kaum-muda* tidaklah taksub, berkeras kepala dan jumud membatu. Mereka bersedia dirujuk kembali kalau saudaranya sesama Muslimin menegur kesalahannya.

Kalau samahah al-mufti tidak sudi menunjukkan kesalahan besar itu yang membawa kepada kafir. Hanya berdiam diri dengan penuh marah maka kami ambil kesimpulan bahawa suara samahah al-mufti adalah dari putus asa orang yang kehilangan pasar. Orang Arab menamainya *"bidayatul-nihayah"* kami tidak memohon cabut perkataan itu, kami hanya menyerahkan kepada perasaan halus samaah al-mufti saja. Beliau adalah "shahibus samahah" orang yang empunya dada lapang.

YANG TIADA TIANG KAMI TEBAS

Tetapi memang kami kaum-muda menebas dan menebang segala tiang tambahan. Yang tiada tiang kami tidak mahu dikatakan tiang! Beberapa misal saya kemukakan.

Pertama, berkumpul setiap tahun pada kubur seseorang yang dikatakan wali: *qila Annahu waliyyun min auliya'llah* (قِيلَ أَنَّهُ وَلِيٌّ مِنْ أَوْلِيَاءِ اللّٰه) lelaki dan perempuan, makan-makan, baca-baca meminta dan memohon syafaat beliau, "Ya habib fulan! Ya sayyid fulan! Ya syeikh fulan!"

لَمَّا تَخَلِّينِي ، عَوْنُكَ يَاغَوْث

Kadang-kadang membawa hadiah: kambing, kuda, kerbau dan lain-lain, dan wang! Mereka meminta tolong kepada tulang dalam kubur! Tetapi mereka memberi sedekah kepada tulang itu dan yang kenyang ialah penjaga kubur, kadang-kadang anak cucunya! Di Jakarta sampai mendirikan rumah-rumah sewaan!

Itu kami tebas. Kami tebang. Kami banteras sekadar tenaga hujah yang ada pada kami.

Itu adalah syirik. Itu bukan tiang Islam. Bagi kami hal itu prinsip. Tentang hal itu kami tidak dapat bertolak-ansur. Sebab ini musyrik...musyrik...musyrik.

Di Palembang ada satu tarikat namanya *Syeikh Saman*. Gurunya mengajarkan kalau dapat bahaya hendaklah panggil "Ya Saman" nescaya terlepas dari bahaya. Kalau belayar dan kapal hampir karam panggil saja "Ya Saman" akan selamat.

Menyeru dan meminta kepada yang selain Allah, baik kepada kubur atau kepada nama seseorang sangatlah bertentangan dengan rukun iman. Yang pertama bertentangan dengan yang setiap hari kita baca di dalam shalat iaitu :

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Tetapi meskipun kami memandang bahawa perbuatan itu sangat bertentangan dengan asas dan sendi atau tiang Islam, tidaklah dengan serta merta kami menunjuk muka orang itu "engkau kafir" meskipun hakikatnya boleh ditimbang sendiri oleh orang yang masih sihat akalnya. Mereka kami pandang kaum kami juga meskipun mereka telah sesat atau disesatkan oleh *tijarah al-kubur* (saudagar-saudagar yang mencari keuntungan dari kubur). Kami merasa wajib mengajar mereka.

Kami percaya bahawa Tuhan menyampaikan petunjuk kepada hamba-Nya dengan perantaraan Rasulullah (s.a.w.) dan disampaikannya kepada baginda dengan perantaraan Jibril. Tetapi daripada hamba itu sendiri kepada Tuhan ialah langsung sendiri-sendiri.

أُدْعُوْنِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Serulah akan Daku nescaya akan Aku kabulkan permohonanmu.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِيْنُ

Hanya Engkau saja yang kami sembah dan hanya Engkau saja tempat kami memohon pertolongan! Tidak ada wasilah, tidak ada wasithah, tidak ada rabithah. Sedangkan sehelai kain kepunyaan Aisyah terletak pada dinding disuruh hindarkan oleh Junjungan kita supaya baginda jangan terganggu menghadap langsung kepada Tuhan. Kononlah kubur, ya Saman, ya Ghauts, ya Abdul Kadir.

Barangkali lantaran menentang inilah maka kami dituduh kafir! Ingkar akan tiang Islam, padahal merekalah yang menambah tiang baru pada Islam, sehingga Islam hilang dalam tiang-tiang tambahan.

Kedua, kata orang kami tidak menghormati ulama. Sebab mereka pun telah memasukkan pula sebuah lagi tiang baru ke dalam Islam, iaitu wajib menghormati ulama. Wajib taklid kepada ulama! Wajib taat kepada guru.

Hal ini akan saya huraikan dengan saksama, kaum-muda amat hormat kepada: ulama. Kaum-muda insaf bahawa pengetahuan yang kita dapat sekarang ini, manakan sampai ke tangan kita kalau bukan lantaran ulama. Kami sangat patuh kepada ulama ikutan kita keempat-empatnya: Imam Malik, Imam Syafie, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad bin Hanbal. Demikian cinta dan hormati kami kepada beliau-beliau

sehingga kalau ada ulama yang menjadi pengawal di luar yang mencuba-cuba menghalangi kami buat bertemu dengan pendapat-pendapat beliau-beliau, kami *sirwak* (memalukan) apa ulama lain itu, dan kami berkata ke pinggirlah engkau! Kami hendak bertemu dengan beliau!

Maka bertemulah kami dengan perkataan al-Imam Malik: "Segala orang dapat diterima katanya dan dapat ditolak, kecuali kata-kata yang empunya makam ini!" lalu ditunjuknya kubur Rasulullah!

Kami amat taat setia nasihat baginda itu, "Segala orang" kata baginda, dalam segala orang itu termasuk baginda sendiri!

Maka bertemulah kami dengan kata Imam Syafie, beliau pun berkata: "Kalau bertemu hadis yang sahih maka itulah mazhabku!" maka taat pulalah kami kepada nasihat beliau itu, kami cari hadis yang sahih. Dengan sendirinya kaum-muda itu kerana suka mengambil hadis yang sahih diakui oleh Imam Syafie sebagai penganut mazhabnya, walaupun diusir oleh *kaum-muda*!

Bertemu pula kami pedoman yang diberikan oleh Imam Abu Hanifah. Kata beliau: "Jika bertemu al-Quran dan sunah Rasulullah aku tunduk dan patuh. Bertemu atsar sahabat aku timbang baik-baik. Tetapi jika berkata yang lain, mereka lelaki dan aku pun lelaki" – Imam Abu Hanifah mengajar kami berani.

Kami teruskan perjalanan itu menuju Imam Ahmad bin Hanbal. Beliau pun berkata pula lebih tegas, "Jangan taqlid kepada aku. Dan jangan taqlid kepada Malik dan jangan kepada al-Tsauri dan jangan kepada al-Auza'i dan ambillah dari mana mereka mengambil."

Keempat-empatnya menyuruh kami meneruskan perjalanan ke atas, ke hulu agama: kepada al-Kitab dan as-Sunah dan keterangan-keterangan yang diberikan oleh orang yang terdekat kepadanya, iaitu sahabat-sahabat Rasulullah. Padahal tatkala kami masih di muara-muara, banyak benar yang menghalangi. Datang syeikh fulan dan sudah jauh di bawah *mutaakhirin*, bahkan *mutaakhiril mutaakhirin* melarang keras! Jangan pergi ke hulu. Jangan! Haram! Haram! Padahal kami tidak mahu dihalang-halangi lagi. Maka dituduhlah kami sesat, siapa kita yang sesat?

Kalau hendak mencari siapakah yang paling taat memegang pula pimpinan mazhab keempatnya, jawabnya ialah: "Kaum-muda" dan kalau hendak ditanya siapakah yang betul-betul memegang petunjuk Muhammad bin Idris pembangun mazhab Syafie, jawabnya jelas pula: "Kaum-muda".

Kaum-tua menyatakan zaman sekarang tidak boleh ijtihad lagi, sebab sudah berlalu jauh daripada zaman Rasul. Mustahil dapat berijtihad sekarang. *Kaum-muda* menjawab, sekarang lebih mudah, kalau ada kemahuan? Sekarang seluruh kitab-kitab hadis telah dicetak boleh beli di pasar kalau mahu. Sekarang kitab-kitab sekalian mazhab telah dicetak. Semuanya mempermudah pekerjaan kalau mahu.

Kaum-Tua Mempertakut-takuti: "Nanti Salah"

Nabi Muhammad (s.a.w.) menimbulkan keberanian: "Siapa berijtihad dan benar hasil ijtihadnya dapat dua pahala. Pahala berijtihad pahala benar. Siapa berijtihad tetapi salah

hasil ijtihadnya, dapat satu pahala, iaitu pahala ijtihad dan salahnya tidak berdosa sebab tidak disengaja mencari salah! Begitu sudah jalan dibukakan agama, mengapa kita mempersukar? Apalah ertinya agama kalau kita tidak boleh mempergunakan akal? Berijtihad bersungguh-sungguh?"

Kaum-tua berfikir dengan dasar "jangan" dan kami berfikir dengan dasar "silakan".

Kata kaum-tua, "Janganlah kamu berijtihad kalau tidak cukup padamu ilmu al-Quran dengan ayat *mujmal* dan *muqayyad*nya, *ijmal* dan *tafsil*, *am* dan *khas*, *nasikh* dan *mansukh*, *asbabul nuzul, al-Hadis* dan *as-Sunah, qaulun-nabi, wafa'alihu wataqrir*. Dan *matan hadis* dan *sunah hadis*. Dan *jarh* dan *ta'dil* dan *al-mutawatir* dan *al-ahad* dan *sahih* dan *hasan* dan *dhaif*. Dan ilmu *nahu* dan *syaraf*. Dan *manthiq* dan *ma'ani* dan *adabul-lughat* dan, dan, dan" – tetapi mereka tidak belajar! Dan *kaum-muda* berkata, "Pelajarilah olehmu segala ilmu yang tersebut itu supaya boleh kamu berijtihad!"

Saya tidak mahu mengatakan bahawa segala masalah yang dikupas oleh Almarhum Tuan Ahmad Hassan Bandung sudah bertemu dengan kebenaran semuanya. Demikian juga Tuan Abu Bakar Asyaari, demikian juga Tuan Hasbi Asy-Syiddiqi dan lain-lain. Saya ulang kesekian kali. Masalah ijtihadiyah adalah masalah zhanni: Menuduh-nuduh kafir, zindiq, dan lain-lain bukanlah mencari yang selesai. Dan jikalau kita berijtihad, bukanlah ertinya bahawa kita telah dapat menjawab segala soal. Al-Imam Malik ditanyai orang 20 masalah, yang terjawab pada waktu itu hanya tiga saja. Yang 17 dijawabnya dengan *"la adri"* – saya tidak tahu.

Alhasil bagi kami ijtihad itu harus digalakkan dan bagi kaum-tua pula "taqlid dijadikan tiang agama" dan kalau kami bantah taqlid, dikatakan kami merosak tiang agama.

Kadang-kadang dituduh pula kaum-muda tidak hormat kepada guru. Lantaran itu dikata pula merosak tiang-tiang agama. Yang sebenarnya kami hormat kepada guru dan hormat kepada ibu bapa. Sebagai juga saudara-saudara Muslimin yang lain. Kedudukan guru sama dengan kedudukan ibu bapa wajib dihormati dan dimuliakan. Tetapi kalau guru itu silap jalannya, maka sebagai tanda bahawa kami hormat, ialah kami tegur dan jika dibawanya dengan sengaja atau tidak dengan sengaja kepada yang salah, kami tidak akan menurut.

Mana yang lebih dekat kepada kita? Guru kitakah atau ibu bapa kita?

Nescaya ibu bapalah yang lebih dekat. Maka al-Quran mewajibkan memuliakan ibu bapa, sehingga berkata "apa" (*cis*) pun tidak boleh. Tetapi :

وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا

Kalau kedua-duanya berusaha membawa engkau memperserikatkan Allah pada perkara yang tidak ada pengetahuanmu atasnya janganlah engkau mentaati keduanya begitu juga guru.

Maka berbezalah pendapat kami dengan pendirian dan ajaran setengah guru-guru suluk dan tarikat yang mewajibkan

murid taat kepada syeikhnya seakan-akan dia seperti mayat yang terbujur di hadapan orang yang akan memandikan apabila berhadapan dengan guru. Hal ini perlu saya jelaskan kerana kadang-kadang dicampuradukkan orang dengan soal ijtihad dan taqlid. Kadang-kadang pula dikatakan *kaum-muda* tidak hormat kepada ulama. Padahal yang mereka katakan ulama itu bukanlah Imam Malik atau Imam Syafie, tetapi beberapa pegawai kerajaan yang memakai serban dan jubah. Dan beliau pun telah merasakan dirinya ulama kerana pada tangannya sudah ada surat tauliah.

Saya tidaklah hendak membela yang demikian itu, dan itu pun tidaklah termasuk tiang agama, kerana perbuatan beberapa orang yang *qalil adab* (kurang sopan) bukanlah ukuran untuk satu golongan dan satu pendirian. Dan itupun adalah soal kecil yang tidak perlu dihiraukan. Kerana kalau ada satu sikap dan tingkah laku yang patut dihormati pada seorang, dengan sendirinya kita akan hormat-menghormati adalah pakaian seluruh Muslimin, baik dia tua atau dia muda. Nabi berkata,

مَنْ لَمْ يُوَقِّرْ كَبِيرَنَا وَلَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا فَلَيْسَ مِنَّا

"Barangsiapa yang tidak memuliakan yang tua dan tidak menyayangi yang muda, tidaklah dia daripada kita."

MENCINTAI AHLI BAIT

Disiarkan pula berita bahawa *kaum-muda* membenci ahlu-bait, tidak hormat kepada kaum sayyid, zuriat Rasul. Padahal telah dipesankan benar oleh Rasulullah seketika baginda akan wafat, supaya zuriat baginda dikasihi. Maka oleh sebab itu bagi kaum Syiah, *hubbu ahlul bait*, mencintai keluarga Rasulullah itu memang dijadikan tambahan tiang akidah mereka.

Maka hal keadaan Nabi Muhammad dengan ahli-bait sama juga dengan doa Nabi Ibrahim tatkala Nabi Ibrahim telah diberikan duduk di *wadin ghairazi zhar 'in* (lembah yang tidak bertumbuh-tumbuhan) iaitu Mekah al-Mukarramah di sisi rumah Tuhan yang mulia *(inda baitikal muharram)* maka beliau telah memohon supaya tumbuhlah cinta rindu hati manusia datang ke sana, dan Nabi Ibrahim memohonkan juga supaya kemuliaan dan kerasulan dan kenabian diberikan kepada anak cucunya. Tuhan memberi jawapan permohonannya itu dengan tegas,

لَايَنَالُ عَهْدِي آلظَّالِمِينَ

"Janjiku tidaklah mencapai akan orang-orang yang zalim."

Nabi Muhammad (s.a.w.) sangat mengambil iktibar daripada kejadian pada nenekandanya Nabi Ibrahim itu. Tegas-tegas dia menyerukan terlebih dahulu kepada keluarga-keluarganya yang dekat. Sebelum menyeru orang lain supaya melepaskan diri dari azab api neraka. Disampaikan seruan itu kepada Bani Hashim, Bani Abdul Mutalib dan Bani Abdul Manaf. Dan dikatanya pula bahawa beliau akan melakukan keadilan, sehingga jika pun puterinya Fatimah yang mencuri beliau potong tangannya. Disuruhnya anak cucunya menjaga maruah. Menjaga kehormatan diri supaya mereka jangan dibenci orang. Sehingga beliau larang mereka menerima bahagian daripada zakat. Sebab tangan yang memberi lebih mulia daripada tangan yang menerima. Supaya mereka menjadi contoh tauladan yang baik daripada umat Islam jangan jadi contoh yang buruk. Maka bertemulah anak cucu beliau yang menjaga martabat itu sehingga dimuliakan. Apabila berkumpul pada satu orang akhlak yang tinggi, ilmu yang dalam, agama yang hak dan darah keturunan yang mulia, siapa orang yang tidak akan bertambah cinta kepadanya?

Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Ertinya: "Tidaklah diakui iman seseorang kamu sebelum dia mencintai saudaranya sebagai mencintai dirinya sendiri."

Sama ada saudara kita itu Arab atau Ajam, warna hitam atau warna putih, keturunan ahli-bait ataupun bukan. Maka kayu cendana yang harum akan amat indah apabila dia diukir dengan emas. Seorang ahli-bait tentu akan bertambah dicintai bila mana dia seorang mukmin dan seorang yang tinggi akhlak dan luhur budi pekertinya, tetapi kalau dia seorang yang *a'shi*, seorang yang *fasiq* tentu tidak akan dicintai kerana Rasulullah berkata juga bahawa:

الحُبُّ فِى اللَّهِ وَ البُغْضُ فِى اللَّهِ

Kita mencintai seseorang kerana Allah dan benci pun kerana Allah juga. Apatah lagi kalau daripada ahli-bait, walaupun cukup padanya sejarah nasab (ranji-ranji keturunan) daripada Hussein atau Hassan bin Ali bin Abu Thalib, nescaya akan berlipat-ganda pula kebencian kepadanya, sebab sepatutnya dialah yang membela dan menjunjung tinggi agama yang dibawa neneknya padahal dia yang mula-mula melanggar.

Siapa orang yang tidak akan cinta kepada al-Hassain bin Ali? Pendamai dua golongan yang berkelahi? Sehingga tahun perdamaiannya dengan Muawiyyah dinamai "am al-jamaah?" (tahun bersatu kembali)? Siapa yang tidak sedih memikirkan kembali kematian al-Hussain bin Ali yang tewas di Karbala? Walaupun dengan kesedihan itu bukanlah bererti bahawa kita jadi Syiah! Siapa yang tidak cinta kepada Jaafar as-Sidiq dan Musa al-Kazim dan Ali ar-Ridha dan lain-lain yang memang orang-orang yang salih?

Kaum-muda zaman sekarang menghormati dengan istimewa kepada as-Sayyid Jamaluddin al-Afghani dan Sayyid

Rasyid Ridha dan as-Sayyid Abdul Rahman al-Kawakibi dan di zaman kini ialah as-Sayyid Amin al-Husaini mufti Palestin. Jasa-jasa mereka membuka mata kepada kaum Muslimin dan pelajaran-pelajaran mereka yang banyak sekali memberi perangsang bagi timbulnya *kaum-muda*!

Cuma ada satu perkara yang kami dikatakan *kaum-muda* tidak dapat menerimanya berkenaan dengan *hubbu ahlul bait* itu. Iaitu perkataan Muhyiddin ibn Arabi yang ditulisnya di dalam kitabnya *"Futuhatul Makkiyah"* juz pertama fasal 29 halaman 197 demikian bunyinya:

يَنْبَغِي أَنْ يُقَابِلَ ٱلْمُسْلِمُ جَمِيعَ مَا يَطْرَءُ عَلَيْهِ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ
فِي مَالِهِ وَنَفْسِهِ وَعِرْضِهِ وَأَهْلِهِ وَذُوبِهِ فَيُقَابِلُ ذَلِكَ كُلَّهُ
بِٱلرِّضَى وَٱلتَّسْلِيمِ وَٱلصَّبْرِ وَلَا يَلْحَقُ ٱلْمَذَمَّةُ بِهِمْ أَصْلًا

Ertinya: *"Bahawa hendaklah menerima seorang Muslim akan sekalian barang yang menimpa atas dirinya daripada ahlul-bait. Baik mengenai hartanya dan dirinya dan kehormatannya dan ahlinya dan keluarganya. Maka diterimanya akan demikian itu semuanya dengan reda dan menyerah dan sabar dan janganlah menimpakan kecelaan atas mereka itu selama-lamanya."*

Tegasnya menurut fatwa Ibnu Arabi ini kalau bangsa sayyid atau habib mengambil harta-benda kita hendaklah reda, hendaklah serahkan, hendaklah sabar, kalau diganggunya diri

kita ditamparnya,dipukulnya hendak reda, hendaklah menyerah, hendaklah sabar. Sebab beliau cucu nabi kita dan kalau diganggunya kehormatan kita sehingga kita jadi malu, hendaklah reda, hendaklah menyerah, hendaklah sabar, kalau diganggunya anak isteri kita dan kaum keluarga kita, hendaklah terima dan reda, dengan menyerah dan dengan sabar.

Lebih-lebih lagi dihubung-hubungkan pula oleh Ibnu Arabi hal yang demikian itu dengan cinta kepada Allah dan Rasul. Berkata Ibnu Arabi selanjutnya:

فَلَوْ صَحَّتْ مَحَبَّتُكَ لِلّٰهِ وَرَسُوْلِهِ أَحْبَبْتَ أَهْلَ بَيْتِ رَسُوْلِ
اللّٰهِ (صلعم) وَرَأَيْتَ كُلَّ مَا يَصْدُرُ مِنْهُمْ فِى حَقِّكَ مِمَّا لاَيُوَافِقُ
طَبْعُكَ وَلاَغَرَضُكَ أَنَّهُ جَمَالٌ تَتَنَعَّمُ بِوُقُوْعِهِ مِنْهُمْ

Ertinya: "Jikalau sahih cinta engkau kepada Allah dan Rasul-Nya, nescaya cintalah engkau kepada ahli-bait Rasulullah dan melihatlah engkau akan tiap-tiap yang timbul daripada mereka pada hak engkau darihal yang tiada bersesuai dengan tabiat engkau dan maksud engkau, sesungguhnya itu adalah suatu nikmat yang turun atas diri engkau daripada mereka."

Maka perkataan Ibnu Arabi ini ditanamkanlah kepada orang awam. Padahal sangat membawa hinanya setengah manusia di hadapan yang setengahnya, sehingga lebih hinalah mereka daripada budak yang telah sepuluh kali dijual dan

sepuluh kali berganti tuan. Walaupun hartanya atau dirinya, bahkan walaupun anak gadisnya diganggu oleh ahli-bait, zuriat Rasul, dia menyerah saja dan wajib memandang itu sebagai nikmat sesudah iktisadnya dan hidupnya dijajah oleh British dan Belanda dan Cina maka jiwanya pula wajib dijadikannya sebagai budak dan jajahan daripada kaum sayyid.

Lantaran kemanjaan yang ditanamkan oleh Ibnu Arabi dan beberapa orang yang lain itu maka timbullah *ghurur* dan sombong dan angkuh pada hatinya setengah keturunan al-Hassan dan al-Hussain itu. Mereka memandang bahawa mereka sangat tinggi.

Mereka tetap dimuliakan tetap masuk syurga walaupun mereka fasik sekalipun. Lantaran rakyat Melayu yang telah bodoh bertambah diperbodoh. Mereka tidak tahu-menahu hal agama, mereka tidak tahu-menahu sabda nenek mereka Nabi Muhammad (s.a.w.) :

لَوْأَنَّ فَاطِمَةَ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا

"Jika Fatimah sendiri pun yang mencuri akan aku potong jua tangannya."

Dan oleh setengahnya pula hormat atau cinta kepada ahlu-bait menurut ajaran Ibnu Arabi ini dipandang pula sebagai tiang agama dan barangsiapa yang membantahnya dikatakan pula ingkar akan beberapa tiang agama.

Al-Imam al-Ghazali menulis di dalam kitab Ihya Ulumuddin pada menyatakan penyakit hati yang bernama *"alghurur"* (sombong) dan ditulisnya satu fasal yang khas tentang *gharur* yang ada pada setengah keturunan ahli-bait.

Samahah mufti pun melihat kerana bekas kejahatan *kaum-muda*, orang tidak begitu hormat dan cinta lagi kepada bani Hasyim. Lalu beliau tulis sebuah buku bernama :

اَلْقَوْلُ اَلْفَصْلِ فِيمَا لِبَنِى هَاشِمْ مِنَ اَلْفَضْلِ

(Kata yang menentukan, pada kelebihan Bani Hasyim).

Padahal tidaklah perlu benar mengarang kitab seperti demikian, mempertinggi mutu kehormatan Islam dan mereka pun akan lebih hina kalau merugikan Islam.

Kami yang dikatakan *kaum-muda* berpendirian setegas itu adalah kerana fikiran kami dimerdekakan daripada belenggu penjajahan oleh orang-orang dari Bani Hasyim sendiri. As-Sayyid Jamaluddin al-Afghani adalah pembangkit perangsang yang mula-mula, lalu diajarkan kepada murid-muridnya as-Syeikh Muhammad Abduh dan as-Syeikh ini diajarkan pula kepada murid-muridnya as-Sayyid Rasyid Ridha.

Dan datang pula as-Sayyid seorang lagi bernama as-Sayyid Abdul Rahman al-Kawakibi beliau karang dua buah buku bernama *"Thabai'il istibdal"* dan *"Ummul Qura"*. Di dalam buku-buku itu dihuraikannya panjang dan lebar tentang sebab-sebab mengapa kaum Muslim menjadi mundur. Dihasutnya supaya memerdekakan jiwa daripada taqlid dan khurafat-khurafat yang dibawa guru-guru tasawuf yang menipu dan lain-lain. Maka buku "al-qaulul fadhli" karangan as-Sayyid Habibil Sahibus Samahah as-Sayid Alwi bin Tahir al-Haddad sesuai benar dengan guru-guru kami kaum Sayyid itu, itulah Bani Hasyim yang mempunyai *fadhilat* dan kelebihan.

Tatkala saya perlihatkan ibarat Ibnu Arabi di dalam kitab *"Futuhatul Makkiyah"* itu kepada seorang keturunan Bani Hasyim yang berfikir luas dan berpengetahuan dalam beliau sangat marah dan berkata "Sebaiknya buku-buku semacam ini dibakar saja sebab ramai anak-anak kami yang rosak akhlaknya lantaran ajaran seperti ini."

Itulah beberapa contoh tentang beberapa "tiang tambahan" yang ditambahkan orang kepada tiang Islam yang asli, iaitu seakan-akan tiang yang sebelas itu 5 di pinggir sebelah kanan, iaitu rukun iman yang lima dimulai daripada iman kepada malaikat dan 5 sebelah kiri iaitu rukun Islam yang 5 perkara, lalu terletak di tengah-tengahnya tempat permulaan hitungan iaitu iman kepada Allah (S.W.T.) yang bersifat wujud, qidam, baqa' dan seterusnya. Maka oleh setengah manusia ditambah-tambahkan pula tiang-tiang lain yang bukan asal agama yang timbul kadang-kadang daripada khayalnya, sebagai khayal yang merosak yang dibawakan oleh Ibnu Arabi itu. Maka berusahalah kami menghindarkan tiang-tiang yang tambahan itu. Orang pun salah terima kepada kami. Segala tuduhan pun jatuhlah kepada diri kami. Kalau orang yang menuduh itu sedang berkuasa, maka dipakainyalah kekuasaannya buat memukul kami.

Dituduhlah kami kaum Wahabi. Siapa kaum Wahabi? Ialah pengikut ajaran Muhammad Abdul Wahab al-Najdi yang hidup pada kurun ke-12 hijrah al-mustafa (kelapan belas kurun miladiyah).

Dari mana dia mengambil pelajarannya? Dari karangan-karangan Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim dan mazhab mereka ialah Hambali. Oleh sebab itu, mereka bermazhab Ahlu Sunah

Wal Jamaah juga.

Mengapa nama Wahabi itu sangat dicela dan dibenci orang? Sebab mereka berontak melawan pemerintah pergi melawan pemerintah Turki Othmani yang beratus tahun menjajah tanah Arab, maka kerana Turki amat benci kepada kaum yang telah memulai membuka mata bangsa Arab ini, berlumba-lumbalah ulama yang berdekat kepada kuasa Turki mengarang buku-buku buat mencela kaum ini, sehingga Almarhum as-Sayyid Zaini Dahlan tidak segan-segan menuduh bahawa Muhammad Abdul Wahab itu ada pertalian keturunannya dengan Musailamah al-Kazab. (kitab *Futuhatil Islamiyah*). Sebab-sebab yang diambil alasan buat mencela kaum Wahabi adalah kerana mereka sangat menentang pemujaan kepada kubur yang telah dipandang orang sebagaimana orang musyrikin menyembah berhala. Buku-buku mencela Wahabi itu tersebarlah di negeri kita sehingga kata Wahabi dipandang sebagai kata penghinaan.

Bersamaan dengan penghinaan kepada Wahabi diperbuat pula buku-buku yang memburuk-burukkan as-Sayyid Jamaluddin al-Afghani, dan as-Syeikh Muhammad Abduh dan as-Sayyid Rasyid Ridha. Yang sangat bersemangat membuat buku demikian ialah al-Syeikh Yusuf bin Ismail al-Nabahani yang menjadi qadhi di mahkamah Beirut dalam kerajaan Turki. Bukunya *"Syawahidul haq"* penuh dengan kata-kata yang penuh pula dengan fitnah dan penghinaan. Dan sebuah kitab qasidah *arraiyyatush shugra.* Kitab-kitab seperti inilah yang sampai ke tangan kaum-tua. Oleh kerana mereka telah biasa taqlid tidaklah mereka mahu membaca pula kitab-kitab lain yang menerangkan pokok-pokok pendirian yang sebenar

daripada orang-orang yang dicela dan dihinakan itu. Syeikh Yusuf al-Nabahani menyatakan bahawa as-Sayyid Jamaluddin dan Syeikh Muhammad Abduh tatkala mati terjulur (terhulur) lidah! Maka lekatlah kata-kata ini pada seluruh pembaca kitabnya – Syeikh Nabhani tidak sanggup menerangkan apakah kesalahan beliau-beliau itu, melainkan membuat fitnah-fitnah yang tidak-tidak. Sampai as-Sayyid Rasyid Ridha dikatakannya sama dengan Abu Jahal! Sehingga orang yang otaknya telah beku dan fikirannya tidak jalan, telah percaya saja kepada fitnah yang dibawa oleh an-Nabhani itu.

Oleh kerana ulama yang mula-mula melepaskan tauhid Islam yang suci daripada khurafat dan *bidaah mutasauwipin* ialah Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah dan murid-muridnya Ibnu Qayyim maka beliau-beliau inipun tidak pula lepas daripada serangan. Segala macam kata-kata yang bukan-bukan pula yang diperbuat atas diri beliau-beliau itu.

Memang, apabila orang yang telah kehabisan hujah dan alasan, mereka pun kembali memakai perkakas fitnah. Dan inilah yang menyebabkan berpecah-belah umat Islam, berkaum tua berkaum muda.

Bagi kami yang dikatakan *kaum-muda* itu tidaklah keberatan jika dituduhkan Wahabi. Kalau 20 atau 30 tahun yang lalu semasa pengetahuan tentang agama hanya boleh dipercayai oleh mufti-mufti saja, mungkin orang takut dikatakan Wahabi. Tetapi sekarang orang telah tahu pula bahawasanya Wahabi tidak lain daripada penganut mazhab Hambali dan memang mazhab Hambali terkenal mazhab yang keras mempertahankan sunah. Dan yang berpengaruh memperbaharui faham mazhab Hambali itu ialah Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim. Oleh sebab

itu, bagi kami dituduh Wahabi bukanlah penghinaan.

Jika dituduh pula kami pengikut Ibnu Taimiyah atau Ibnu Qayyim, maka tidaklah pula bagi kami penghinaan. Kaum-tua pun suka kepada kitab *"Zaadul Ma'ad"* karangan Ibnu Qayyim seperti kami juga. Cuma kami memakai pangkal kitab dan kaum-tua suka kepada kitab itu kerana ada satu fasal di dalamnya tentang ilmu jadi dukun atau tabib.

Dan lagi kedua ulama besar itu sangat dicela oleh penganut mazhab Syafie yang berkuasa pada waktu itu. Ibnu Taimiyah seorang alim besar dan bebas berfikir dan tajam, maka timbullah hasad-dengki pada pihak yang berkuasa pada waktu itu. Lawannya yang paling besar ialah *as-Subki* ulama Syafie yang berkuasa, sehingga berkali-kali Ibnu Taimiyah masuk penjara. Serupa dengan hal sekarang Samahah al-Mufti Negeri Johor sedang memegang kuasa jadi mufti dan al-Ustaz Abu Bakar Asyaari tidak berpangkat. Kalau kekuasaannya kerajaan Johor seperti kekuasaan raja-raja Mesir dahulu itu. Tentu al-Ustaz Abu Bakar Asyaari sudah masuk penjara pula.

Di samping orang yang mencela dan menghinakan Ibnu Taimiyah, ada pula yang insaf dan adil menuju ketinggian ilmu pengetahuan beliau dan mengakui akan salih dan waraknya. Seumpama Ibunu Daqiqil I'd, Abu Hibban al-Hawa, Ibnu Saidun-Nas, Kamaluddin az-Zamlakani, qadhi qudhat Abu Abdullah al-Hariri, al-Hafiz Syamsudin ad-Zahabi, Ibnu Qudamah al-Maqdisi dan lain-lain dan ketika beliau wafat beribu-ribu manusia menghantarkan jenazah. Sepakatlah ulama mengakui bahawa beliau ulama yang amat terkemuka di dalam mazhab Hambali.

Rupanya samahah al-mufti telah merasa bahawa tuduhan Wahabi atau pengikut Ibnu Taimiyah bagi *kaum-muda* tidaklah suatu pukulan yang menyakitkan. Oleh sebab itu, beliau cari sekarang kata lain, iaitu bahawa *kaum-muda* tidak percaya kepada beberapa tiang Islam dan bahawa *kaum-muda* itu mengambil fatwanya daripada Ahmadiyah. Bagaimanakah agaknya suara hati kecil beliau, atau *dhamir* beliau ketika membuat tuduhan yang bohong lagi hina itu?

MENGKAFIR-KAFIRKAN ORANG

Kemudian daripada itu samahah al-mufti telah menyatakan bahawa "seorang ketua kaum-muda di Mesir bernama Abu Zaid (Muhammad Abu Zaid) telah dihukum kafir oleh ulama-ulama yang besar di Mesir dan kerajaan Mesir telah mengharamkan kitab tafsir Quran yang dikarang oleh Abu Zaid dan kerajaan Mesir telah membakar tafsir al-Quran orang Ahmadiyah Qadiani" keterangan kita: Abu Zaid atau Muhammad Abu Zaid banyak tersiar karangannya di negeri kita, iaitu kitab *Hadyur-Rasul* yang diambilnya daripada kitab Zaadul Ma'ad karangan Ibnu Qayyim al-Jauziyah.

Sebagai seorang Islam yang ingin hendak berkhidmat kepada Islam dia telah mengarang juga tafsir daripada beberapa ayat al-Quran. Kadang-kadang pendapatnya di dalam menafsirkan itu berbeza daripada pendapat orang lain kerana isi al-Quran itu ialah umum. Dan orang yang menafsir menyatakan pendapat sendiri menurut ijtihadnya. Oleh sebab itu maka tafsir al-Quran itu berpuluh-puluh banyaknya, baik yang lama atau yang baru. Ada tafsir at-Thabari, ar-Razi, al-

Kasyaf, Ibnu Katsir, Jalalain dan lain-lain. Ada tafsir-tafsir yang penuh dengan khurafat dan dongeng-dongeng dan *Israiliat*t dan beberapa tafsir bila mana kita baca akan dia nyatalah bahawa dia hanyalah tafsir kaum muqallidin yakni mengubah-ubah saja sedikit daripada qala as-*Sa'diy,* qala *Qatadah,* qala *Ka'bil-ahbar*, tetapi isinya itu ke ayat juga. Maka zaman baru ada tafsir Alusi. Sudah itu menyusul tafsir al-Manar yang dinamai juga tafsir al-ustaz al-imam karangan as-Sayyid Rasyid Ridha dan ada tafsir al-Jawahir oleh Syeikh Tanthawi Jauhari dan ada tafsir al-Maraghi yang agak baru dan ada tafsir Tahta Zhilalil Quran karangan Sayyid Qutb yang diselesaikannya sedang dia di dalam penjara dan sebelum tafsir al-Maraghi dan Tahta Zhahalil Quran Syeikh Muhammad Abu Zaid membuat tafsir pula rupanya ada di antara tafsirnya itu yang salah. Tetapi maksud si pengarang tiada salah maka bangkitlah beberapa ulama besar al-Azhar menyatakan kemarahan atas tafsir itu dan setengahnya menghukumkan kafir si pengarangnya meskipun samahah al-mufti menyatakan bahawa ulama al-Azhari yang menghukumkan kafir itu adalah ulama besar di Mesir. Saya sendiri dan kawan-kawan yang disebut oleh samahah al-mufti.

"Kaum-muda" tidaklah lekas hendak menerima hukuman kafir yang dijatuhkan itu walaupun "ulama besar Mesir" ini harus pula ditulis dengan huruf-huruf besar dan serban-serban besar pula.

Sebab Apa ?

Ulama besar yang seperti demikian mudah sekali

menjual syurga kepada am dan mudah saja menghukum kafir orang yang tidak disukainya, tegasnya lagi orang yang tidak mahu tunduk kepada hadhrat al-syeikh. Mereka mudah berkata, "Barangsiapa membaca *dala ilul khairat* sekian kali, masuk syurga jannatul-naim. Barangsiapa baca wirid ini dan wirid itu akan kekal dalam syurga selama-lamanya dan akan dipeluk oleh anak bidadari". Demikianlah mudahnya mereka membahagi-bahagikan syurga kepada murid-muridnya tetapi barangsiapa yang bertanya: "Mengapa tuan syeikh berkata bahawa barangsiapa membaca ayat ini atau ayat itu sekian kali atau *dala ilul khairat* sekian kali akan masuk syurga, padahal Allah Taala menyatakan di dalam al-Quran":

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ
خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ ٱلْبَأْسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ
يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ
إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ 

Ertinya : *"Apakah menyangka kamu bahawa kamu akan dimasukkan ke dalam syurga? Padahal belum datang kepadamu seumpama yang datang kepada mereka yang telah lalu (wafat) sebelum kamu? Telah menimpa atas mereka kesusahan dan kemudaratan dan sampai mereka digempakan? Sehingga berkata Rasul dan orang yang beriman bersertanya: Bilakah pertolongan Allah? Sesungguhnya pertolongan Allah telah dekat?"* (Surah al-Baqarah ayat 214).

Maka berdasarkan kepada ayat itu kami percaya bahawa tidaklah mudah masuk syurga dengan hanya membaca wirid-wirid dan dalil al-khairat melainkan wajib beran menderita dan sengsara kerana menegakkan agama Tuhan!

Oleh kerana yang bertanya itu telah membantah hadharatus syeikh yang menjual syurga itu dan mengemukakan alasan daripada al-Quran maka dia pun dituduh kafir!

Barangsiapa yang mengemukakan pendapat berdasar al-Quran dan al-Hadis, kafir! Barangsiapa yang menurut saja pendapat hadratus syeikh, itulah Islam sejati! – MasyaAllah! Ulama besar di Mesir itu jugalah yang menghukum kafir mufti addiyar al-Masriyah as-Syeikh Muhammad Abduh. Ulama-ulama besar di Mesir itu jugalah mencabut ijazah Syeikh Ali Abdul Raziq. Kerana karangannya yang bernama "al-Islam Wal-Ushul al-Ahkam". Ulama-ulama besar di Mesir itu pulalah yang mengeluarkan fatwa bahawa raja Faruk yang diusir rakyat Mesir daripada mahligainya, bahawa Duli Seri Baginda Yang Maha Mulia adalah keturunan ahlus-bait? Dan bilakah hal itu kejadian? Ialah semasa al-Azahar dipenuhi oleh ulama-ulama besar dan masyhur kerana kebekuan fikirannya. Tetapi kemudian bagaimana? Ulama besar yang besar dalam kebekuan otaknya itu kian lama kian hilang. Dan naiklah ulama al-Azhar yang *kaum-muda*.

Mulailah perubahan itu dengan masuknya Syeikh Mustafa al-Maraghi dan Mustafa Abdul Razak menjadi Syeikh Jamiul-Azhar dan kedua-duanya adalah murid daripada "mahkota kaum-muda" iaitu Syeikh Muhammad Abduh yang dahulunya dikafirkan oleh ulama al-Azhar. Adapun Syeikh Ali Abdul Raziq yang pernah dicabut ijazahnya – sebagai anggota ulama-ulama

besar. Kemudiannya naik menjadi menteri urusan wakaf (wazir al-wakaf). Dengan tidak menyebut-menyebut lagi "cabut ijazah" yang amat memalukan itu.

Kemudian berganti-gantilah orang yang berhaluan Muhammad Abduh memimpin al-Azhar. Seumpama Shahibul Fadhilah Abdul Hamid Salim dan wakilnya Syeikh Dr. Abdul Latif di Azhar. Dan setelah pemberontakan Jamal Abdul Naser naiklah seorang pengikut Abduh yang lain Shahibul Fadhilah Syeikh Haider Hussein, kemudian itu Syeikh Dr. Abdurrahman Taj dan wakilnya Syeikh Mahmud Syaltut, semuanya orang Abduh, nenek kaum-muda.

Dan sekarang nama Syeikh Muhammad Abduh yang dahulu dikafir-kafirkan itu dipuja-puja di mana-mana, berpuluh-puluh buku dikarang khas untuk mengingat jasanya. Dan oleh pemerintah Mesir yang sekarang diakui bahawa Syeikh Muhammad Abduh adalah orang yang mula-mula membuka fikiran baru. Tegasnya fahaman muda di Mesir (awal muslih *di bani* fil masri). Di dalam bahasa Inggeris ditulis: "The First Leader of Modern Thought in Egypt". Tempatnya dalam sejarah Mesir diletakkan di atas sekali, di atas daripada Arabi Basya atau Mustafa Kamal Attaturk atau Said Zaghul. Di dalam mengingat Muhammad Abduh yang dihukumkan kafir itu, patut juga diingat ulama besar Mesir yang mengepalai kawan-kawan mengkafirkan Muhammad Abduh iaitu as-Sayyid Taufiq al-Bakri! Yang ketika itu menjadi Naqib al-Isyraf di Mesir. Tidak lama sesudah beliau mengkafir-kafirkan itu beliau pun ditimpa sakit otak dan masuk rumah sakit gila. Dan bertahun-tahun lamanya beliau yang mulia itu tinggal di dalam rumah sakit. Barangkali sebabnya ialah kerana "taikiyatudh-

dhamir" (tekanan perasaan halus) kerana mengkafir-kafirkan sesama Islam.

Setelah lebih daripada 20 tahun di dalam rumah sakit, beliau pun sembuh dan keluar. Maka ketika ditanyai orang masih tetapkah beliau menghukum kafir Syeikh Muhammad Abduh, dengan air mata berlinang-linang beliau menyatakan bahawa tuduhannya itu adalah salah, dan Syeikh Muhammad Abduh tidak kafir. Tidak beberapa hari setelah beliau mengakui kesalahan itu beliau pulang ke rahmatullah!

Tetapi alhamdulillah setelah wafat as-Sayyid Taufiq al-Bakri itu tidaklah ada seorang pun daripada kaum-muda, baik di Mesir atau di mana-mana, yang mengarang kitab mengatakan bahawa as-Sayyid Taufiq al-Bakri ketika mati terhulur (terjulur) lidahnya satu hasta. Sebagai pernah ditulis oleh Syeikh Yusof bin Ismail al-Nabahani di dalam kitabnya *"Syawahad al-Haq"* terhadap as-Sayyid Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh. Kerana perbuatan demikian pada pengajian kaum-muda adalah yang sehina-hina perbuatan yang tidak patut dilakukan oleh seorang yang mengerti akan al-akhlak al-Islamiyah.

Di sini samahah al-mufti menyerumpunkan sekali lagi di antara Abu Zaid (namanya yang sebenar ialah Muhammad Abu Zaid! Tetapi tuan mufti tidak mahu menulis nama orang dengan lengkap) dengan Ahmadiyah. Padahal Syeikh Muhammad Abu Zaid adalah kaum Islam seperti kita percaya bahawa tidak ada nabi atau rasul sesudah Nabi Muhammad (s.a.w.) sedangkan Ahmadiyah Qadiani itu mengakui ada pula nabi sesudah Muhammad, tetapi untuk meragukan orang awam maka samahah al-mufti menyamakan keduanya sebab tafsirnya

sama-sama dibakar.

Melihat cara-caranya samahah al-mufti sebagai pembela kaum-tua di dalam menghentam kaum-muda bagi beliau rupanya tidaklah mengapa memukul kaum-muda dengan membuat fitnah. Dahulu ketika orang Nasrani di Sepanyol telah dapat mengalahkan orang Islam, maka pendeta-pendetanya mengeluarkan fatwa tidaklah mengapa memakai segala jalan. Walaupun dengan memfitnah atau membunuh atau menganiayai. Asal saja dapat memusnahkan orang Islam. Kerana tujuan mereka ialah membinasakan dan menghapus Islam: maka pendeta-pendeta itu telah memakai pepatah *"al-ghayatu tubar rirul wasilah"* (untuk mencapai maksud, halal segala alat untuk mencapainya).

Sekarang samahah al-mufti rupanya memakai cara-cara pula.

أَلْغَايَةُ تُبَرِّرُ الْوَسِيلَةَ

Asal saja kaum-muda dapat dipukul hancur tidaklah mengapa berdusta, mengatakan kerana was-was kaum-muda 10 juta orang Indonesia masuk Nasrani. Tidaklah mengapa *kaum-muda* dihukumkan kafir dan diserumpunkan dengan Ahmadiyah. Malahan di dalam keterangan selanjutnya samahah al-mufti (menurut *"Semenanjung"* bilangan 109 itu). "Beliau telah mengkafirkan orang-orang Islam yang ingkar akan kenajisan daging babi.

أَلْغَايَةُ تُبَرِّرُ الْوَسِيلَةَ

Beliau mengatakan Muhammad Abu Zaid kafir sebab kitab tafsirnya sama-sama dibakar dengan tafsir kaum

Ahmadiyah Qadiani.

Adapun menurut pendapat *kaum-muda*, tidaklah mustahil ada beberapa masalah yang bukan pokok iktikad yang sama pendapat kita dengan orang yang bukan seagama dengan kita.

Orang Yahudi berkhatan. Orang Islam berkhatan. Tetapi orang Islam bukanlah Yahudi! Orang komunis berjuang hendak membela nasib orang melarat orang Islam pun berjuang hendak membela bahkan telah membela nasib orang melarat. Tetapi Islam bukanlah komunis.

Orang Nasrani (Kristian) mempunyai ajaran cintailah sesama manusia, orang Islam pun mempunyai ajaran tidak beriman seorang kamu sebelum cinta kepada saudaranya sebagai cinta kepada dirinya sendiri. Tetapi meskipun sama dalam soal cinta, namun orang Islam bukanlah orang Nasrani.

Karangan Abu Zaid dibakar oleh ulama-ulama besar Mesir dan tafsir Ahmadiyah dibakar pula. Tetapi Muhammad Abu Zaid bukanlah orang Ahmadi.

Orang Nasrani di Sepanyol menghalalkan membohong dan memfitnah dan menganiaya asal orang Islam dapat dimusnahkan. Samahah al-mufti membuat khabar-khabar yang bohong dan mengkafir-kafirkan untuk memukul *kaum-muda*. Tetapi samahah al-mufti bukanlah orang Nasrani atau sama dengan Nasrani. *Na'uzubillah!*

Begitulah caranya *kaum-muda* berfikir? Kaum-muda memegang teguh adab *al-bahtsu* kaum-muda memegang teguh sikap keadilan. Jangan sampai kebencian kita kepada satu orang atau orang satu golongan menyebabkan hilangnya keadilan. Menurut sabda Rasulullah,

إِعْدِلُوْا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى

"Adillah kamu, ia akan mendekatkan kamu kepada ketakwaan."

Barangkali ada kawan-kawan yang akan berkata bahawa cara-cara yang dipakai oleh samahah al-mufti itu adalah caranya kaum-tua. Saya pun yakin bahawa bukanlah semua kaum-tua memakai cara-cara samahah al-mufti itu. Dan kalau ada pula *kaum-muda* memaki cara-cara demikian, bukan pulalah dia *kaum-muda*.

Adapun tuduhannya bahawa kitab Soal Jawab dan tafsir karangan Almarhum Hassan Bandung selain daripada menyatakan daging babi tidak najis, pun beliau mengatakan bahawa di dalam tafsir itu Almarhum Hassan Bandung mengikut teori ajaran Darwin dan Freud.

Pada saya ada tafsir "al-Furqan" Almarhum Ahmad Hassan Bandung itu, tebalnya 1256 halaman. Tidak ada satu kalimat pun terdapat di sana bahawa Almarhum Hassan Bandung mengikuti teori Darwin dan Freud.

Sebagaimana diketahui bahawa teori Darwin adalah mengatakan asal-usul manusia adalah daripada kera, saya balik tafsir itu dari awal sampai akhir, terutama dalam hal Adam sebagai asal-usul manusia. Almarhum Hassan Bandung tidaklah menganut teori Darwin. Dipersilakan pembaca membaca tafsir itu dengan teliti supaya nyata bagaimana fitnah dan bohong yang disebarkan oleh mufti, atau jangan dibaca sama sekali supaya tetap percaya kepada mufti, walaupun dia telah bohong.

Teori Freud ialah tentang hidup dan berfikirnya manusia ini adalah berpokok-pangkal kepada nafsu syahwat semata-mata. Freud menamainya Libido dan menurut teori Freud itu juga, bahawasanya agama itu hanyalah buatan-buatan manusia saja. Dahulu kala manusia-manusia itu jatuh cinta kepada ibunya sendiri. Sebab hendak menyetubuhi ibunya, maka dibunuhnya ayahnya. Kemudian dia menyesal lalu diperbuatnya agama. Samahah al-mufti mengatakan Almarhum Hassan Bandung memakai teori itu. Allahu Akbar, Madzlum Almarhum Tuan Hassan! Tuduhan bahawa Almarhum Tuan Hassan Bandung menafsirkan al-Quran menurut teori Darwin dan Freud ini adalah salah satu daripada tiga sebab.

1. Mufti Johor telah mempelajari benar-benar akan kedua-dua teori itu. Maka untuk menjatuhkan lawannya, dibuatnyalah fitnah yang sangat besar itu. Kalau ini benar maka terus-terang saya berkata bahawa selama saya hidup belumlah pernah saya bertemu orang yang sampai seperti ini rendah mutu akhlaknya. Kalau ini benar sudah lama orang ini tidak berhak lagi dijadikan mufti daripada sebuah kerajaan Islam. Kerana sudah terang dia ini tukang fitnah yang amat besar.

2. Mufti tidak tahu apa itu teori Darwin dan Freud, hanya didengarnya dari orang lain saja. Maka dengan pengetahuannya yang dangkal itu dicubanya menimpakan tuduhan kepada lawannya. Kalau ini benar, maka buat zaman sekarang tidaklah sesuai lagi orang seperti ini akan dijadikan mufti. Sebab tidak sesuai kejahilannya dengan jawatannya.

3. Barangkali wakil *"Semenanjung"* yang datang kepada

beliau telah menuliskan perkataan beliau atau sengaja hendak mengadu-adu di antara ulama Islam. Kalau yang ketiga ini benar, kita sayangkan bahawa mufti tidak menyusuli suatu keterangan untuk membantah catatan wartawan *"Semenanjung"* itu.

Meskipun demikian saya berdoa kepada Tuhan moga-moga yang ketiga inilah yang benar.

Sedikit penjelasan, saya sendiri tidaklah selalu sefahaman dengan Almarhum Tuan Hassan Bandung dan pernah pula kami bertukar-tukar fikiran. Tetapi kerana pertikaian fikiran itu tidaklah sampai kami kafir mengkafirkan atau membuat fitnah yang bukan-bukan. Dan pernah pula faham saya disetujui oleh samahah al-mufti Johor. Iaitu tentang wajibnya umat Melayu memelihara baik-baik huruf Jawi. Demikianlah tiap-tiap orang yang berfikir kadang-kadang bersesuai fahamannya di dalam satu masalah dan bertikai di dalam masalah yang lain.

Dari hal teori Darwin yang saya sebutkan tadi (asal manusia daripada kera) maka ulama Islam yang mula-mula sekali membantahnya ialah as-Sayyid Jamaluddin al-Afghani guru Syeikh Muhammad Abduh dengan bukunya *"Ar-Raddu Ala Dahriyyin"*. Dan pada waktu bantahan dikeluarkan datang pula seorang ulama yang menjadi pegangan kaum-tua bernama Syeikh Yusof al-Nabahani mengatakan bahawa as-Sayyid Jamaluddin al-Afghani itu kafir. Dan Sayyid Jamaluddin itu adalah seorang di antara ulama ikutan *kaum-muda* sekarang datang pula Mufti Johor menuduh seorang *kaum-muda* mengikuti teori Darwin! Menurut pengetahuan saya belum ada dari pihak kaum-tua mengeluarkan karangan untuk membantah

fahaman Darwin dan Freud dengan dasar ilmiah. Kepada ini kaum-tua hanyalah mengkafir-kafirkan orang.

Adapun Almarhum Hassan Bandung (sekarang Hassan Bangil) adalah seorang ulama yang telah mempergunakan segala tenaganya untuk memberi keterangan agama kepada kaum Muslimin. Ada kitabnya *Pengajaran Shalat, Soal Jawab, Tafsir al-Quran, Bantahan Atas Gerakan-gerakan Kebangsaan yang Tidak Berdasarkan Agama, Bantahan Atas Ahmadiyah Baik Kadianinya atau Lahorenya.* Dan dikarangnya juga kitab "At-Tauhid" dan kitab-kitab lain. Beliau pun pernah mengeluarkan majalah bernama "Pembela Islam" kemudian itu "al-Lisan" namanya kemudian itu majalah "Kritik" dengan usaha-usahanya itu tersiarlah ilmu agama kepada awam. Sangat besar faedah usahanya itu bagi menambah pengertian orang terhadap Islam. Terutama orang-orang Islam yang telah belajar pada sekolah-sekolah Belanda atau Inggeris yang tidak mengerti lagi belok-belok agama.

Lantaran usaha beliau itu pula tahulah orang bahawa ilmu agama itu tidaklah hanya hak kepunyaan satu golongan khas. Dan tidak boleh diketahui kalau tidak dengan perantaraan beliau. Maka terbukalah mata orang dan tahulah dia membantah mana yang difikirnya tidak benar. Tetapi oleh kerana Almarhum Hassan Bandung (Bangil) itu bukan seorang nabi nescaya ada juga kesalahan dan kelemahannya, dia suka mengkritik dengan berterus-terang atas orang yang pandangnya bersalah dan kritikannya itu tajam dan pedih.

Kawan-kawannya yang sefahaman kadang-kadang dihentamnya juga dengan kritikannya. Sehingga kalau kawan-kawannya itu mempunyai jiwa yang kecil, mahulah timbulnya

renggang dengan dia tetapi di dalam pergaulan sehari-hari adalah beliau itu seorang yang murah hati dan tawaduk. Menghormati tamu dan lapang dada *ghirah*nya atas agama Islam sangat kuat kalau dilihatnya yang salah dari berani menentang tulisan, tetapi tidak mengkafir-kafirkan orang dan berani pula dia berhadapan dengan orang itu pada suatu majlis yang memakai hakim.

Khabarnya konon tatkala dia datang ke Malaya pada tahun 1954 dia ingin sekali hendak berjumpa dengan Tuan Haji Ahmad Fuad bekas Yang Di-Pertua "Persatuan Islam Se-Malaya". Padahal dikenali orang bahawa Tuan al-Haj Ahmad Fuad adalah seorang ulama muda berfaham tua yang menentangnya. Dia hendak berjumpa untuk bersilaturahim semata-mata. Tetapi Tuan al-Haj Ahmad Fuad ada keberatan menerima kedatangannya.

Beberapa tahun yang lalu ada seorang pemuda Indonesia mengakui dirinya telah keluar daripada agama Islam. Dan dia mengakui Tuhan Allah tidak ada. Nama pemuda itu Suradal. Dan dia menentang ulama-ulama Islam bermujadalah dan berdebat.

Tidak ada ulama kaum-tua menunjukkan suka menjawab tentangan Suradal ini kerana mereka tidak ada alat senjata buat menghadapi. "Suradal kafir" habis perkara. Dan kaum ulama *kaum-muda* pun tidak ada, sebab memandang bahawa Suradal hanyalah seorang pemuda yang miring otak. Tetapi Almarhum Tuan Hassan Bandung menjawab tentangannya itu maka diadakanlah majlis debat di Jakarta, dihadiri oleh orang lebih seribu.

Maka dengan gagah dan congkak pemuda itu mengeluarkan segala pokok dan taruhannya mula-mula seakan-akan dia yang benar, tetapi setelah segala tentangan itu ditangkisnya Almarhum Tuan Hassan dengan mantiq yang lebih tinggi, habislah pokok taruhan pemuda itu, tidak dapat berkutik lagi. Sehingga debat tidak dapat diteruskan sebab dia segera telah kalah. Orang ramai menjadi jengkel seekor semut melawan gergasi. Inilah Almarhum Tuan Hassan yang dikafir-kafirkan oleh Mufti Johor itu. Dan di Malang, Jawa Timur ada pula seorang pemuda lain, yang berfahaman demikian pula. Bersoal jawab pula dengan Almarhum Tuan Hassan. Kesudahannya pemuda itu tunduk dan kembali menjadi orang Islam.

Muridnya yang terkenal ialah pemimpin Islam yang namanya terkenal seluruh dunia dan menjadi Ketua Kongres Islam di Damsyik pada tahun 1956 iaitu Muhammad Natsir dan muridnya seorang lagi ialah saudara Muhammad Isa Anshari musuh nombor satu dari orang komunis di Indonesia, itulah Almarhum Hassan Bandung! Inilah yang dikafirkan oleh samahah mufti.

Saya sendiri tidak selalu sefahaman dengan Almarhum Hassan Bandung dan saya bukan muridnya. Tetapi saya dididik oleh guru-guru saya bersikap adil dan membela orang teraniaya. Apabila mufti Johor menuduh Almarhum Hassan Bandung memakai teori Darwin dan Freud, maka saya lihatlah suatu tikaman yang sangat curang.

Di dalam tarikh Islam bertemu ulama Islam menyerupai Almarhum Tuan Hassan Bandung itu, iaitu pemuka mazhab al-Zahiri yang terkenal Ibnu Hazm an-Andalusia: penanya tajam

tikamannya hebat tetapi tidak ada ulama di zamannya yang tidak mengakui akan luas ilmunya. Seketika dianjurkan membakari kitab-kitabnya, dia berkata, "kitab-kitabku boleh tuan-tuan bakar walaupun kitabku dibakar, namun ilmuku tetap dalam dadaku."

Dan sedikit orang yang tahu bahawa Almarhum Tuan Hassan itu adalah dilahirkan di Semenanjung Tanah Melayu. Ada orang yang berkata bahawa sampai sekarang beliau belum mengambil sijil kewarganegaraan Indonesia.

Mengkafirkan orang yang ingkar akan najisnya daging babi

Menurut berita di dalam *"Semenanjung"* itu pula samahah al-mufti mengkafirkan orang-orang Islam yang ingkar dan kenajisan daging babi.

Sekarang saya mohon bertanya kepada samahah al-mufti

مَاقَوْلُكُمْ دَامَ فَضْلُكُمْ فِيمَا إِجْتَهَدَ فِيهِ الإِمَامِ مَالِكْ

Asy-Syathibi menyatakan di dalam al-Muwafaqah bahawasanya Imam Malik tidak memakai akan hadis tentang wajibnya membasuh bejana tujuh kali dan sekalinya dengan tanah kerana hadis ahad itu berlawan dengan ayat al-Quran:

وَمَا عَلَّمْتُمْ مِنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ

Yakni tentang bolehnya dimakan binatang buruan halal

yang bekas digigit oleh anjing pemburu. Al-Imam Malik berkata:

يؤكل صيده فكيف يكره لعابه

"Boleh dimakan binatang buruannya mengapa dibenci air ludahnya?" (Rujuk, Surah al-Maidah: 4)

Jadi al-Imam Malik berpendapat air ludah bekas jilatan anjing tidak najis, padahal hadis bejana itu menunjukkan najis.

Dan Almarhum Tuan Hassan Bandung dan Abu Bakar Asya'ari dan lain-lain berpendapat daging babi pula tidak najis. Padahal orang menghukumkan najis hanya kerana diqiaskan kepada hadis bejana, kerana tidak ada pula nas sendiri daripada hadis yang menyatakan wajib dibasuh 7 kali, sekalinya dengan tanah kalau bejana dijilat babi. Sekarang saya bertanya, "Kalau samahah al-mufti menghukumkan kafir orang yang menyatakan daging babi tidak najis, bagaimana dengan ijtihad Imam Malik yang menyatakan pula bahawa air ludah anjing tidak najis, padahal ada hadisnya? Apakah al-Imam Malik kafir juga? Atau lebih kafir dari Almarhum Hassan Bandung? Kalau samahah al-mufti berani menyatakan al-Imam Malik kafir! Maka pembaca yang arif bijaksana akan maklum kata-kata apa yang akan saya katakan terhadap orang yang memakai pangkat mufti ini!"

Pastilah samahah akan menjawab, "Tidak! Imam Malik tidak kafir!" Al-Imam Malik di dalam berijtihad memakai *al-qias* dan *masalahatu a'mmah* dan *qai'dah a'mmah* dan terkadang beliau meninggalkan khabar *ahad*. Maka oleh sebab hadis bejana itu adalah hadis *ahad*, sedangkan ayat al-Quran tentang binatang buruan dibawakan anjing dengan mulutnya

itu adalah al-asal, maka beliau dahulukanlah al-asal daripada khabar. Sebab ayat al-Quran adalah qathi dan al-khabar itu adalah zanni. Dan yang qathi didahulukan daripada yang zanni. Tentu beliau akan mengatakan bahawa bukan pada masalah itu saja al-Imam Malik mempunyai pendapat sendiri. Beliau pun tidak memandang sunah puasa enam Syawal. Beliau pun tidak menerima hadis *ahad*. Beliau pun tidak mengambil hadis:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ

"Barangsiapa yang mati meninggalkan puasanya, hendaklah dilunaskan oleh ahli warisnya".

Dan ada lagi masalah-masalah lain.

Jadi kalau Imam Malik tiada kafir oleh kerana tidak memakai hadis bejana. Kerana berlawan dengan ayat buruan, mengapa Almarhum Hassan Bandung dan Abu Bakar Asya'ari dan lain-lain jadi kafir? Padahal tentang *rajasa* di dalam al-Quran itu tidaklah sefahaman ulama bahawa ertinya ialah najis semata-mata. Boleh juga bererti kotor dan jijik? Teranglah bahawa masalah ini masalah ijtihad-ijtihad yang telah ada sejak dahulu. Saya pun tidak dapat menuruti al-Imam Malik di dalam perkara ini, kerana saya memandangnya dari segi lain! Saya pun tidak sependapat dengan Almarhum Tuan Hassan Bandung dan Abu Bakar Asya'ari di dalam perkara ini, "Ijtihad tidak dapat disanggah dengan ijtihad pula!"

Tetapi saya keberatan menuduh-nuduh orang kafir! Kerana di dalam kitab-kitab hadis dan fikah sudah ada "*babur riddah*" yang menuliskan syarat-syarat yang dapat menyebabkan orang jadi kufur dan hukum yang mengkufurkan

orang lain! Agama ada mempunyai batas-batas dan kesopanan yang tidak boleh kita lampaui.

Di sini saya tegaskan bahawa al-fadhil Abu Bakar Asya'ari adalah seorang Muslim *as-sunni as-salafi*. Saya berkata dengan mengingat tanggungjawab saya di hadapan Allah!

APA KAUM-TUA DAN APA KAUM-MUDA

***Sudah berlarut-larut kita bicara** "kaum-tua, kaum-muda".* Padahal menurut ilmu manthiq hendaklah sebelum membicarakan suatu masalah kita membuat "had" atau jangka ukuran daripada suatu kata. Supaya dapat meletakkan *tasyawwur* dan *tasdiq*nya. Maka jika kita lihat kepada perintah, amatlah kabur perbatasan kaum-muda itu.

Orang yang diberi cap kaum-muda pada umumnya, hendak kembali kepada hulu agama, iaitu kitab Allah dan sunah Rasulullah dan kaum-tua hendak bertahan kepada pada taqlid kepada ulama-ulama yang datang di belakang. *Kaum-muda* memegang mazhab asy-Syafie yang asli, iaitu, *"iiza sah al-hadis fahua mazhabi"* (Apabila sahih hadisnya itulah mazhabku) sedang yang dikatakan kaum-tua setia memegang *al-tuhfah* dan *al-nihayah* dan *minhaj*, yang dikarang orang beratus tahun di belakang Syafie sendiri.

Kalau kita lihat keadaan dan kita bandingkan dengan namanya dalam bahasa lain nyatalah salahnya pengertian ini. Yang dikatakan *kaum-muda* sekarang itulah yang patut disebut kaum-tua.

Al-Quran membebaskan berfikir (*afala tatafakkarun*) dan memakai akal (*afala ta'qilun*). Rasulullah demikian pula. Imam-imam yang empat melarang taqlid. Golongan yang disebut kaum-muda itu berpegang dengan yang demikian. Padahal golongan yang disebut kaum-tua berpegang dengan: *qala ar-Ramli, qala ar-Rafie, qala Ibnu Hajar!*

Menurut lughah yang dipakai di dalam bahasa Inggeris, golongan yang berpegang pada pokok yang asal itu disebut orthodoks ertinya golongan tua.

Menurut lughah yang dipakai dalam bahasa Arab dinamai "Mazhab Salaf" dan salaf itu ertinya nenek-moyang yang dahulu-dahulu. Lawannya ialah al-khalaf. Di Mesir golongan Muhammad Abduh dinamai mazhab al-salaf, orang Wahabi di Tanah Arab supaya dirinya juga Mazhab al-Salaf: ertinya semuannya kaum-tua. Inilah suatu pengertian yang salah yang berlaku di negeri kita selama 50 tahun. Maka tukang-tukang bidaah, tukang khurafat, tukang menambah-nambah tiang agama atas tiangnya yang asli sepatutnyalah digelarkan *kaum-muda*. Dan yang hendak langsung berpegang dengan asal dan hulu agama, sepatutnya bergelar kaum-tua! Dan kaum-tua dan *kaum-muda* di Indonesia dan Malaya dan Siam sudah taqlid saja kepada erti yang salah 50 tahun lamanya.

Adapun saya sendiri tidaklah keberatan didakwa kaum-tua, sebab yang paling tua di dalam Islam ialah al-Quran dan Sunah Rasul yang *muthi'ah* dikatakan *kaum-muda* pun boleh, sebab telah terbiasa begitu. Tetapi jika saya katakan orang Islam saja tidak kaum-tua, tidak *kaum-muda*, itulah yang lebih baik. Saya sefahaman dengan pangkal kata mufti, tidak ada berkaum-kaum seperti itu di dalam asal Islam.

Kaum-muda kaum-tua pun tidak dapat diukur pada umur. Ada seorang tua yang umurnya telah 90 tahun dan wafat di dalam usia lebih 90 tahun, di dalam usia setua itu dia masih dia masih mengeluarkan "risalah penebas atas bidaah-bidaah di kepala batas" yang isinya menegakkan sunah Rasul. Iaitu al-Syeikh Tahir Jalaluddin. Ada seorang pemuda di bawah umur 20 tahun, padahal dia tidak mahu berpegang kepada sunah Rasululllah! Dia hanya berkeras mempertahankan apa yang telah diterima daripada nenek-moyangnya! Tak mahu berganjak, siapakah di antara keduanya yang kaum-tua, siapa yang *kaum-muda*?

Oleh sebab itu, pada hakikatnya tidaklah ada faedahnya kita memakai segala gelaran atau nama yang akan mendatangkan ragu atau perpecahan. Sebagai sabda Tuhan di dalam al-Quran: "*wala tanabazhu bilalqab*" ertinya janganlah kamu bersenda-senda pada gelaran-gelaran. Dan kadang-kadang saya melihat pujian Rasulullah kepada *kaum-muda*. Iaitu anak-anak muda yang hatinya terpaut teguh kepada masjid. Sebelum waktu masuk dia telah iktikaf. Kadang-kadang saya lihat pula pujian kepada kaum-tua bahkan perempuan tua. Baiklah beriman dengan "*imanul a'jaiz*" kata Rasulullah! Iman perempuan tua yang dengan tunduk tafakur mendengarkan pelajaran dan tidak berpaling kepada yang lain!

Kadang-kadang saya melihat orang berani dan gagah memperdebatkan agama. Dia menyelidiki suatu hukum. Kata orang hukum itu adalah haram. Dan menurut penyelidikannya hanyalah makruh. Sebab hanya makruh lalu dikerjakannya! Dan kata orang satu perkara lain hukumnya wajib, menurut penyelidikannya hukum itu hanya sunah. Oleh sebab hanya

sunah tidak dikerjakannya lagi. Pendeknya sejak dia pandai berhujah agamanya ringan!

Kadang-kadang saya melihat penduduk kampung yang teguh beragama. Dipimpin oleh lebai di kampung itu bersungguh-sungguh menjaga waktu yang lima. Pukul lima pagi tabuh sudah dipukul memanggil orang shalat. Lelaki perempuan semua berduyun-duyun datang ke surau. Maka terjadilah perpecahan di kampung itu. Kerana datang seorang pemuda mengatakan bahawa memukul tabuh (bedok) itu adalah bidaah, tidak berasal dari Rasulullah.

Kadang-kadang orang bertengkar, apakah melafazkan *ussalli* bidaah atau sunat. Tetapi orang tidak berupaya lagi memanggil umat yang masih bernama Islam, yang bukan saja menegakkan *ussalli*, tetapi telah meninggalkan shalat sama sekali!

Selama kita bertengkar-tengkar berkaum-tua ber*kaum-muda*, agama kita telah terserang dari segala penjuru. Kita banyak melihat *al-alimin ghafilin* (orang yang alim tetapi lalai) dan melihat pula *al-jahilin al-munsikin* (orang yang bodoh tetapi kuat beribadat). Ini belum kita tilik!

Kadang-kadang kita telah berdengki-dengkian, sehingga musuh mudah benar memecah-belahkan kita. Apa guna berkaum-tua, apa guna ber*kaum-muda*. Berkaum Muslimin saja lebih baik!

KESEDARAN

Melihat bahaya-bahaya yang mengancam Islam, baik dari pada pihak Nasrani dengan kegiatannya, atau dari pihak mulhidin dengan keteguhan diayahnya pernahlah di Mesir 25 tahun yang lalu ulama-ulama mengadakan perkumpulan yang khas menghadapi bahaya itu. Seorang ulama muda yang bernama as-Syeikh Hassan al-Banna menemui syeikh-syeikh, baik golongan tua atau golongan muda. Mula-mula didatangi as-Syeikh Yusof al-Dahlawi seorang ulama golongan tua di al-Azhar. Sangat termakan dan terfaham oleh beliau anjuran anak muda itu, dan merasa perlulah as-Syeikh Yusof al-Dahlawi akan adanya satu *jibahah* (pertahanan) untuk membendung bahaya *al-had* itu. Lalu dicatat nama-nama ulama yang patut bersatu padu di dalam badan itu: as-syeikh fulan! Dan as-syeikh fulan dan as-syeikh fulan! Kemudian Hassan al-Banna mencadangkan suatu nama, "Bagaimana dengan as-Sayyid Rasyid Ridha?" Dengan serta-merta as-Syeikh Yusof al-Dahlawi menjawab, "Itu amat mustahak! Itu amat penting. As-Sayyid Rasyid Ridha tidak boleh ketinggalan di dalam perjuangan ini. Beliau mesti dimasukkan. Perselisihan saya

dengan beliau bukanlah pada pokok, hanya pada ranting (furu') masalah. Beliau adalah seorang ahli yang berkelayakan untuk bersama-sama kita menghadapi bahaya ini" Ketiga-tiga ulama itu telah wafat, as-Sayyid Ridha, as-Syeikh Yusof ad-Dahlawi, as-Syeikh Hassan al-Banna *rahima-humullah.*

Bilakah agaknya hal serupa demikian akan bertemu di Indonesia dan Malaya? Kemudian itu (1931) berjumpalah ulama-ulama dan zu'ama al-Islam di Palestin. Di antaranya ialah ulama sunni yang masyhur as-Sayyid Amin al-Husaini dan ulama Syiah yang bergelar mujtahid di dalam mazhab mereka: as-Syeikh Muhammad Hussein al-Kasyful Ghita. Maka datanglah waktu shalat di Masjid al-Aqsa, maka diimamkan oranglah ulama Syiah yang besar itu!

Di Mesir sekarang berdiri sebuah perkumpulan bernama: *Al-jamiyatul takrib baina mazahabil Islamiyah*". Pada ziarah saya yang pertama (1950) ketuanya ialah Ali "Alubah Basya dan sekretariat amnya as-Sayyid Muhammad Taqi al-Qummi daripada mazahabal-Syiah". Dan mereka mengeluarkan majalah bernama "Risalatul Islam" dan cogan mereka ialah ayat,

إن هذه أمتكم أمة واحدة ، وأنا ربكم فاعبدون

"Ini semuanya adalah umatmu, umat yang satu. Dan aku adalah Tuhanmu, sembahlah Aku."

Bilakah akan bertemu yang demikian itu di negeri kita?

Patutlah kita bersyukur oleh kerana di negeri kita (Indonesia, Malaya, Siam dan Filipina) umat Islamnya pada pihak geografi adalah satu mazhab belaka, mazhab ahlus sunah wal jamaah, tidak ada orang Syiah di sini. Walaupun diadakan tuduhan-tuduhan, tidak ada Khawarij di sini walaupun dibuat-buatkan fitnah. Kaum-muda pun bermazhab Syafie, kerana mereka berpegang dengan qaul Syafie:

إذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ فَهُوَ مَذْهَبِى

Pada akhir tahun 1957 dan awal tahun 1958, berkumpullah ulama-ulama dan ahli fikir Islam di Lahore, Pakistan atas undangan pemerintah di sana. Datanglah wakil ulama dari seluruh mazhab dari seluruh alam Islam. Ada mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hambali dan ada ulama Syiah. Al-Hakir pun dijemput orang pula meskipun al-hakir mengakui bahawa belum maqamnya duduk bersama-sama orang besar-besar. Al-hakir kabulkan jemputan itu kerana hendak melihat wajah orang besar-besar Islam. Ingin mengambil *afadah* dan *istifadah*. Pada waktu dibincangkanlah 10 masalah besar tentang pembangunan Islam, tentang ijtihad dan taqlid, tentang sikap Islam menghadapi perkembangan kebudayaan Barat, tentang hal tanah dan lain-lain. Seluruh ulama-ulama itu sefahaman (ijmak) tentang perlunya memakai ijtihad kerana banyak masalah-masalah baru yang harus dihadapi dengan pandangan hidup kita sebagai Muslim.

Cuma satu saja suara yang meningkah, yakni suara Tuan Syeikh Ismail bin Yahya dari Bangkok, Siam yang mempertahankan taqlid! Tetapi tidak ada orang yang menentang beliau atau menuduhnya "kaum-tua" atau "kaum

kolot", "jumud" kerana baiknya suasana ikhwatul Islamiyah dalam rapat itu.

Ketika selesai as-Syeikh Ismail membacakan "kertas kerjanya" mempertahankan taqlid dan tidak ada yang membantah. Maka ternyatalah saya kepada as-Syeikh Muhammad Abu Zahrah ustaz *asy-syari'atu bi kulliyati huquqi bi maji'atil qahirah* "Tidakkah perlu diadakan munaqasyah terhadap faham beliau itu?" Syeikh Muhammad Abu Zahrah menjawab, "Biarkan sajalah! Kerana beliau telah memakai hak kebebasan menyatakan fikiran. Apalah gunanya kita munaqasyah pada perkara yang telah ditinggalkan zaman?" setelah itu orang pun terus menyatakan pendapat tentang mustahaknya ijtihad di zaman sekarang.

Besoknya as-Syeikh Ismail diberi kehormatan menjadi pengerusi rapat. Tetapi rapat hari itu tidak lagi munaqasyah perkara ijtihad. Pada pembukaan rapat itu as-Syeikh Ismail menyatakan lagi bahawa taqlidlah yang wajib dijadikan pegangan dan janganlah melakukan ijtihad, rapat diteruskan dan orang pun langsung munaqasyah dalam masalah yang lain.

Rupanya masalah yang beliau pertahankan tidak lagi "masuk hitungan!" Dan taqlid sudah habis masanya! Di antara ulama yang hadir ialah Syeikhul Islam dan mufti Syafieyah dari Iran. Dan as-Syeikh Bahjah Baithar ulama besar dari Syam, as-Syeikh Dr. Muhammad Abdullah Druze dari Mesir yang wafat ketika rapat masih berlangsung dan Maulana Abu 'Ala Maududi dan Maulana Abdul Aziz Maimun dari Pakistan. As-Syeikh Muhammad Muntashar al-Kitani dari Maraqas, as-Syeikh Abdulhamid al-Khatib asy-Syafie al-Makki dari Saudi Arabia dan lain-lain. Sesuailah fahaman semuanya atas ijtihad

dan tatkala ada yang masih membela taqlid (satu orang) tidaklah ada yang menyambut.

Maka teringatlah saya akan as-Sayyid Waqur, as-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad dan sahabat saya as-Sayyid Yusof Zawawi dan sahabat saya as-SyeikhAhmad Mahar dan al-Fadhil Fadhullah Suhaimi dan al-Fadhil Abu Bakar Asya'ari dan lain-lain di Malaya. Saya tahu Malaya tidak kekurangan ulama. Lalu saya bertanya kepada Tuan Afadhil Hussein pengerusi pertemuan itu, mengapa Malaya tidak dijemput, dengan minta maaf beliau menjawab bahawa waktu pertemuan hendak direncanakan Malaya belum lagi merdeka! Maka berharaplah saya moga-moga pada pertemuan yang akan datang di Kahirah, hadirlah shahibul samahah awal fadhil dari Malaya dan jika al-hakir dijemput orang pula, alhakir pun berusaha hendak hadir kerana ingin hendak *iqtibasi min nurihim* (bermandi diri dengan cahaya mereka!).

Dan bagi beliau-beliau pun terbukalah pengalaman baru, bahawa di luar negeri orang sudah lebih maju kembali kepada dasar hidup kita *"inna hazihi ummatukum ummatan wahidan"* dan kalau sekiranya samahah al-mufti negeri Johor dapat hadir di dalam majlis demikian nanti, nescaya dapatlah beliau mengemukakan "kertas kerja" bagi mempertahankan taqlid, supaya ulama-ulama yang telah sesat disuruh rujuk kembali kepada kebenaran! Dalam perjumpaan itu pula saya dapat bertemu dengan asy-Syeikh Sayyid Muhammad Syeikh al-Islam dan mufti asy-Syafie pada kerajaan Iran (Parsi). Almaklum bahawa kerajaan Iran adalah bermazhab rasmi Syiah daripada *Imamah Atsariyah*. Samahah al-mufti itu bertanya kepada saya apa mazhab di negeri tuan. Saya menjawab

"umumnya asy-Syafie!"

Muka beliau kelihatan gembira. Lalu dia bertanya, berapa semuanya? "Serta-merta saya menjawab, Indonesia 74 juta, Malaya 3 juta, di Siam 2 juta, di Filipina 3 juta, jumlah 82 juta."

"Apa kata tuan?" Tanyanya pula.

Saya ulangi sekali lagi, "Indonesia 74 juta, di Malaya 3 juta, di Siam 2 juta, di Filipina 3 juta, jumlah 82 juta!"

"Syafie semuanya?"

"Syafie semua," jawab saya.

"MasyaAllah! MasyaAllah! Kami yang bermazhab Syafie di daerah di Iran hanya kurang lebih 3 juta, semuanya bangsa Kurdi, saya orang Kurdi. Shah Iran mengangkat saya jadi mufti dari 3 juta kaum Muslimin di Kurdistan yang bermazhab Syafie."

Sangatlah terharu beliau mendengar jawapan saya itu. Hampir dia menangis kegirangan. Untuk menguatkan keterangan saya, lalu saya sambung pula "Cubalah samahatukum lihat kerajaan Saudi Arabia itu, as-Sayyid Abdulhamid al-Khatib. Ayahnya ialah orang Melayu, Indonesia, Jawi, Minangkabau, dia imam dan khatib mazhab asy-Sayfie di masjidil-haram di Mekah!"

Ketika itu ada Sayyid Abdulhamid al-Khatib tidak jauh daripada kami. Mufti itu bertanya dengan tercengang, "Apakah beliau bukan orang Arab?"

"Sekarang dia orang Arab! Samahah al-mufti lebih tahu daripada saya bahawa kebangsaan Islam lebih tinggi daripada

kebangsaan buatan sekarang!"

"*Bilasyak! Bilasyak!*" Kata beliau.

"Marilah kita datang kepada beliau!" kata saya pula.

"Marilah!" Jawab beliau dengan gembira.

"Tetapi sebelum pergi kepada beliau, saya akan peringatkan kepada tuan mufti dahulu satu hal."

"Apakah itu?" Tanya beliau.

"Mufti mengatakan tadi bahawa mazhab asy-Syafie adalah mazhab orang Kurdi, maka ketahuilah pulalah oleh samahah al-mufti bahawa ibu Abdulhamid al-Khatib itu adalah perempuan Kurdi, mazhab yang sama di antara orang Indonesia dengan Kurdi di Mekah. Mempertemukan jodoh dua makhluk, dan zahirlah Abdulhamid al-Khatib."

Dengan sangat gembira asy-Syeikhul Islam as-Sayyid Muhammad menemui as-Sayyid Abdulhamid al-Khatib. Sayalah yang memperkenalkan di antara mereka. Dan cerita saya ditambah dan dijelaskan lagi oleh as-Sayyid Abdulhamid al-Khatib. Beliau menggeleng-gelengkan kepala bahawa di negeri Timur yang jauh ada kaum semazhabnya 82 juta banyaknya. Di malam perpisahan, sehari sebelum kami bersurai dan akan pulang ke negeri masing-masing, beliau menjumpai saya dan berkata, "Dapatkah kiranya pemerintah Indonesia menjemput saya menziarahi negeri tuan?" Saya menjawab: "Akan saya ikhtiarkan, insyaAllah."

Dan sampai di Indonesia saya bicarakanlah dengan Menteri Agama Kiyai al-Haj Elias yang beliau itu daripada jemaah Nahdhatul Ulama (NU), perkumpulan Islam yang teguh

memegang mazhab Syafie beliau menjawab, "Akan saya ikhtiarkan insya Alllah."

Barangkali ada orang akan bertanya, "Apakah Almarhum Tuan Hassan Bandung yang telah mengakui terus-terang tidak bermazhab termasuk juga dalam yang 82 juta itu?"

"Betapa tidak? Bukankah beliau berpegang dan berpendirian dengan pula Syafie *iiza syah al-hadis fahua mazahabi?*" Apakah saya mesti menjemur ikan busuk di tengah jalan, lalu saya katakan di luar negeri bahawa kami di Indonesia berpecah-belah? Bahawa kami di Malaya ada *kaum-muda* ada kaum-tua? Bahawa segolongan daripada kami sedang mengkafirkan yang lain? Bahawa segolongan daripada kami menuduh kaumnya merosak tiang-tiang Islam? Tidak.

Saya bukanlah katak di bawah tempurung. Bagaimana jua pun, semuanya adalah kaumku saya akan shalat menjadi makmum di belakang mufti Johor shahibul samahah awal fadhilah as-Sayyid Alwi bin Tahir al-Hadad dan di belakang Almarhum Tuan Hassan Bandung dan di belakang al-Ustaz Abu Bakar Asyaari dan di belakang al-Ustaz Fadhullah Suhaimi.

Pada hemat saya pada zaman sekarang adalah zaman menyatukan kekuatan. Dunia bukan surut ke belakang tetapi maju ke muka. Fahaman yang sempit dan hati yang penuh kebencian tidaklah dapat dibawa ke tengah medan. Dan saya pun takut mengkafir-kafirkan sesama Islam. Sebab Rasulullah bersabda:

مَنْ كَفَرَ مُسْلِمًا فَهُوَ كَافِرٌ

"Barangsiapa yang mengkafir-kafirkan sesamanya Islam dialah yang kafir."

Dan yang menetapkan seorang kafir bukanlah mufti Johor!

Kita akan dapat bersatu atau hormat-menghormati walaupun fahaman berbeza-beza. Asal kita berhati terbuka dan tidak hendak menang sendiri saja. Apabila seorang yang dipandang ketua bermudah-mudah saja menuduh orang lain dengan tuduhan yang bukan-bukan, tandanya nilai hormat orang kepadanya akan turun. Dimisalkan seorang mufti di dalam negeri Johor memerintahkan fatwa menuduh orang lain kafir hanya kerana berlainan pendapat dalam perkara khilafiah, belum tentu semua orang akan turut. Kalau, mufti di Johor mengatakan orang kafir belum lapan mufti lagi di Tanah Melayu akan sefahaman dengan dia. Apalah harganya suatu fatwa yang hanya dapat mempengaruhi orang awam dan hasil dan tidak dipedulikan oleh orang yang berilmu?

PENUTUP

Sunguhpun sudah berpanjang-panjang saya menulis yang kadang-kadang keras sebagai menentang, namun saya tidaklah menaruh dendam rasa permusuhan terhadap samahah mufti. Malahan sebaliknya, iaitu rasa hormat dan kasih kepada orang tua menyebabkan saya merasa wajib menyampaikan peringatan ini. Dan kalau beliau merasa bebas merdeka mengkafir-kafirkan orang, tentu saya merdeka pula untuk menyatakan kesalahan beliau. Dengan jalan yang demikian itu akan bertambah majulah cara kita berfikir dan berbahas.

Ada barangkali orang mengi*'stiradh* saya dan berkata: "Dato' as-Sayyid Alwi bin Tahir al-Hadad tidaklah menyatakan pendapatnya di dalam "*Semenanjung*" bilangan 109 itu di atas nama jawatan beliau sebagai mufti Johor, melainkan di atas nama dirinya sendiri!"

Saya menjawab, "Syukurlah beliau tidak mengkafir-kafirkan orang atau membuat khabar bohong berulang-ulang di atas namanya sebagai mufti. Lantaran itu pula maka tangkisan-tangkisan saya ini masih saya lakukan dengan lemah-

lembut. Beliau mengelakkan diri daripada membawa-bawa nama jawatan mufti boleh jadi adalah kerana terasa di dalam hati sanubari beliau bahawa beberapa hal yang akan beliau terangkan itu telah diakui tidak dapat dipertanggungjawabkan. Kerana meskipun mulut beliau dapat mengarang kata-kata yang tidak benar namun hati sanubari beliau tetap membantah. Itulah yang di dalam ilmu al-akhlak disebut adh-dhamir. Dan itu pulalah yang menyebabkan as-Sayyid Taufiq al-Bakri sampai sakit otak dan lebih 20 tahun dalam rumah sakit, sebab dhamirnya merasa salah mengkafirkan seorang Muslim. Dan beliau insaf benar bahawa seorang berjawatan mufti iaitu jawatan agama yang setingginya tidaklah pantas berlaku demikian.

Sayalah orang yang terlebih dahulu bersyukur kerana beliau berkata di atas nama dirinya sendiri. Kerana kalau dia berkata di atas nama beliau sebagai mufti, maka tulisan ini akan lain jadinya. Kalau beliau berkata di atas namanya sebagai mufti nescaya satu dari antara hadis yang akan saya bawakan dalam keterangan ini ialah:

أَجْرَؤُكُمْ عَلَى ٱلْفَتَاوَى أَجْرَؤُكُمْ عَلَى ٱلنَّارِ

Yang bererti "yang seberani-berani kamu berfatwa ialah yang seberani-berani kamu masuk ke neraka."

Dan saya salinkan pula perkataan Shahnon bin Said:

أَجْسَرَ ٱلنَّاسَ عَلَى ٱلْفَتَاوَى أَقَلُّهُمْ عِلْمًا

"Orang yang berani-berani berfatwa ialah orang yang paling picik ilmunya."

Dan jika pada suatu waktu saya dilapangkan Tuhan dapat berjumpa dengan beliau dan menghadap wajahnya, saya akan tetap berlaku hormat.

Pertama, kerana beliau orang yang yang alim lagi salih,

Kedua, kerana beliau orang tua,

Ketiga, kerana beliau daripada ahlu bait, adanya.

Sudah terbiasa di dalam hidup dan pergaulan hidup. Kadang-kadang fikiran bersamaan pada satu masalah dan kelak kemudian hari berselisih di dalam masalah yang lain dan kemudian bersamaan pula. Itulah alamat bahawa kita berfikir. Itulah sebabnya perselisihan demikian jangan dimasukkan ke dalam rongga hati dan jangan menjadikan dendam, kerana masih satu masalah pokok yang kita tidak pernah berselisih, iaitu bahawa kita adalah umat yang satu. Dan kita tidak pernah berselisih, iaitu bahawa kita adalah umat yang satu. Dan kita adalah hamba Allah yang dijadikan Tuhan bersama-sama dengan jin buat beribadat kepada-Nya!

Maka bagaimana pun perselisihan pendapat di antara umat Islam, namun Nabi Muhammad masih tetap menyatakan bahawa semuanya adalah umatnya!



Telah selesai saya menulis risalah kecil ini, yang saya mulai pada hari Ahad, 17 Muharam tahun 1378, bersetuju dengan 3 haribulan Ogos 1958. Dan selesai pada hari Jumaat 22 haribulan Muharam 1378 bersetuju dengan 8 Ogos 1958, di Jakarta, ibu kota Republik Indonesia.

Saya ucapkan alhamdulillah pada permulaan dan penyudahannya dan saya mohonkan ampun kepada Allah pada kesalahan dan kekhilafannya, dan saya ucapkan selawat serta salam atas pesuruh dan utusan-Nya Nabi Muhammad yang tidak ada lagi nabi atau rasul sesudahnya. Demikian juga atas keluarganya yang mengikuti akan sunahnya dan segenap sahabatnya.

Wassalam.